KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
HOSPITAL MELAKA

#HMprihatin #HMkomited #HMpeneraju

Kami Sedia Membantu
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2022

Hospital Melaka



Isi Kan

Sidang Pengarang		6
Perutusan Pengarah		7
Perutusan Ketua Sidang Pengarang		8
Pengurusan Tertinggi		9
Ketua Jabatan dan Unit		10
Carta Organisasi		12
Visi, Misi dan Objektif		13
Bahagian Pengurusan	· Unit Pentadbiran	16
	· Unit Sumber Manusia	23
	· Unit Kewangan & Perolehan	30
	· Unit Pembangunan	35
	· Unit Pengurusan Maklumat	41
	· Unit Keselamatan	46
	· Unit Kejuruteraan Operasi	53
Direktorat Perubatan	· Jabatan Dermatologi	60
	· Jabatan Perubatan & Nefrologi	80
	· Jabatan Psikiatri & Kesihatan Mental	94
Direktorat Wanita	· Jabatan Obstetrik & Ginekologi	108
& Kanak-kanak	· Jabatan Pediatrik	116
Direktorat Pembedahan	· Jabatan Pembedahan	123
	· Jabatan Oftalmologi	131
	· Jabatan Ortopedik	157
	· Jabatan Bedah Mulut & Maksilofasial	161
	· Jabatan Pembedahan Plastik & Rekonstruktif	168
	· Jabatan Anestesiologi & Rawatan Rapi	182

dungan

Direktorat Diagnosa Klinikal	· Jabatan Radiologi	199
	· Jabatan Patologi	207
	· Jabatan Perubatan Transfusi	225
	· Jabatan Perubatan Forensik	231
Direktorat Ambulatori	· Jabatan Kecemasan & Trauma	242
	· Jabatan Perubatan Rehabilitasi	
	· Unit Perubatan Rehabilitasi	250
	· Unit Cara Kerja	256
	· Unit Fisioterapi	262
Direktorat Sokongan Klinikal & Bukan Klinikal	· Jabatan Farmasi	270
	· Jabatan Dietetik & Sajian	311
	· Jabatan Rekod Perubatan	320
	· Jabatan Kerja Sosial Perubatan	328
	· Bahagian Penyeliaan Hospital	336
	· Unit Kejururawatan	345
	· Pusat Rawatan Harian	353
	· Unit Kesihatan Awam	362
	· Unit Kualiti	369
	· Unit Kawalan Infeksi	378
	· Unit Penjagaan Luka	401
	· Unit Pendidikan Pesakit	405
	· Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerja	413
	.	

SIDANG PENGARANG

LAPORAN TAHUNAN HOSPITAL MELAKA TAHUN 2022

1	Dr. Sharifah binti Omar	Ketua Sidang Pengarang
	Timbalan Pengarah Perubatan I	
2	Dr. Arifatul Fadzilah binti Musa	
	Jabatan Perubatan	
3	Dr. Mazny binti Abu Bakar	
	Jabatan Patalogi	
4	Pn. Suriya binti Hasan	
	Ketua Unit Pendidikan Kesihatan	
5	Pn. Nurul Asnida binti Abdul Wahab	
	Ketua Unit Pentadbiran	
6	Matron Norul Huda Binti Mokhtar	
	Jabatan Pembedahan	
7	Hj Noorhashim bin Bujang	
	Jabatan Kecemasan dan Trauma	
8	Hj Zulkifli bin Baba	
	Jabatan Orthopedik	
9	Pn. Lim Chia Wei	
	Jabatan Farmasi & Bekalan	
10	Hj Azahar bin Ahmad	
	Pejabat Penyelia Hospital	
11	Matron Arbai binti Abu Bakar	
	Ketua Penyelia Jururawat	
12	En. Faisal Sarwan	
	Ketua Unit Perhubungan Awam	
13	En. Mohd Farid bin Mohd Tongat	
	Unit Perhubungan Awam	
14	Pn. Suria binti Mohd	
	Unit Sumber Manusia	

URUS SETIA

1	En. Mohd Rosli bin Adam	2	
3		4	

PERUTUSAN PENGARAH

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Syukur kita kehadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya Laporan Tahunan Hospital Melaka 2022 dapat didokumenkan. Saya percaya laporan ini dapat mengambarkan pencapaian setiap Jabatan dan Unit sepanjang tahun 2022 dan akan menjadi rujukan untuk perancangan pada masa hadapan.

Tahun 2022 telah bermula fasa endermik Covid 19. Kakitangan Hospital Melaka terlibat aktif dalam program vaksinasi di negeri Melaka. Dalam masa yang sama kemasukan pesakit ke hospital bertambah dari 62,083 tahun 2021 kepada 66,373 tahun 2022. Walau pun begitu semua kakitangan telah menunjukkan komitmen yang tinggi untuk memberi perkhidmatan perawatan yang terbaik kepada pesakit.

Hospital Melaka sentiasa memastikan kualiti perkhidmatan yang disediakan berada pada tahap piawaian yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia. Segala kejayaan yang telah dicapai sepanjang tahun 2022 adalah dari komitmen semua pihak daripada Ketua Jabatan/ Unit hingga kepada kakitangan peringkat bawahan.

Kesempatan ini saya ingin merakamkan tahniah dan terima kasih kepada Sidang Pengarang Laporan Tahunan 2022 atas usaha menyediakan laporan ini. Harapan saya semoga tahun 2023, Hospital Melaka lebih cemerlang dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada semua pelanggan kita.

Susah senang kita bersama. Bukit sama didaki, lurah sama dituruni.

Sekian. Terima kasih.

DR. HJH ZAHARIMAH BINTI ABDUL KADIR
Pengarah Hospital Melaka.

PERUTUSAN KETUA SIDANG PENGARANG

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan rahmatNya Laporan Tahunan Hospital Melaka 2022 dapat didokumenkan. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Dr. Hjh Zaharimah binti Abd Kadir, Pengarah Hospital Melaka atas memberi kepercayaan sekali lagi kepada saya sebagai Ketua Sidang Pengarang.

Semua Jabatan dan Unit telah memberi kerjasama dalam menyediakan Laporan Tahunan Jabatan/Unit masing-masing. Semua kejayaan aktiviti dan juga cabaran dalam tahun 2018 telah dilaporkan. Saya berharap laporan ini akan menjadi rujukan kakitangan Kementerian Kesihatan Melaysia khususnya Hospital Melaka dalam rangka penambahbaik dan perkembangan perkhidmatan kepada orang ramai.

Kesempatan ini saya ingin merakamkan terima kasih kepada semua Jabatan dan Unit serta Sidang Pengarang yang telah memberi komitmen yang baik bagi mendokumenkan Laporan Tahunan Hospital Melaka 2022.

Sekian. Terima kasih.

DR. SHARIFAH BINTI OMAR
Timbalan Pengarah Perubatan II
Merangkap
Ketua Sidang Pengarang
Laporan Tahunan Hospital Melaka Tahun 2018

PENGURUSAN TERTINGGI

DR. ZAHARIMAH BINTI ABDUL KADIR PENGARAH HOSPITAL MELAKA
DR. SHARIFAH BTE OMAR TIMBALAN PENGARAH (PERUBATAN) I
DR. MOHD ROSLI BIN TOMPANG TIMBALAN PENGARAH (PERUBATAN) II
DR. LEE JUN YUAN TIMBALAN PENGARAH (PERUBATAN) III
DR. SAIRATUL MAWARNITA BINTI ISHAK TIMBALAN PENGARAH (PERUBATAN) IV
MOHD FAIRUL ZAMAN BIN ABDUL MANAN TIMBALAN PENGARAH PENGURUSAN


KETUA JABATAN DAN UNIT

BAHAGIAN PENGURUSAN		
1	**MARIANI BINTI ABDULLAH**	KETUA UNIT SUMBER MANUSIA
2	**NORZAIHA BINTI PUNGOT**	KETUA UNIT KEWANGAN & PEROLEHAN
3	**MASNIZAR BIN JAMIAN**	KETUA UNIT PENGURUSAN MAKLUMAT
4	**NORANIZA BINTI SHUIB**	KETUA UNIT PEMBANGUNAN
5	**MASNIDA BINTI OWI JIN @ OTHMAN**	KETUA UNIT PERPUSTAKAAN
6	**NURUL ASNIDA BINTI ABDUL**	KETUA UNIT PENTADBIRAN
7	**SITI ROSZAIDA BINTI MOHD ROS**	KETUA UNIT KESELAMATAN
8	**SRI HANUM BINTI OTHMAN**	KETUA UNIT KAUNSELING
DIREKTORAT PERUBATAN		
9	**DATUK DR. KORINA BINTI RAHMAT**	KETUA JABATAN PERUBATAN AM
10	**DR. LEE CHOON SIAN**	KETUA JABATAN DERMATOLOGI
11	**DR. NURULWAFA BINTI HUSSAIN**	KETUA JABATAN PSIKIATRI & KESIHATAN
DIREKTORAT WANITA & KANAK-KANAK		
12	**DATUK DR. THAM SENG WOH**	KETUA JABATAN O&G
13	**DR. ANGELINE WAN SENG LIAN**	KETUA JABATAN PEDIATRIK
DIREKTORAT PEMBEDAHAN		
14	**DR. YAP LEE MING**	KETUA JABATAN PEMBEDAHAN
15	**DR. ZAINAL ABIDIN BIN OTHMAN**	KETUA JABATAN ANESTESIOLOGI
16	**DR. JULIANA BINTI JALALUDDIN**	KETUA JABATAN OFTALMOLOGI
17	**DR. MOHAMAD FAUZLIE BIN YUSOF**	KETUA JABATAN ORTOPEDIK
18	**DATUK DR. ABD. RAZAK BIN HJ.**	KETUA JABATAN OTORINOLARINGOLOGI
19	**DR. IZETY SHEZLINDA BINTI NORAN**	KETUA JABATAN PEMBEDAHAN PLASTIK & REKONSTRUKTIF
DIREKTORAT DIAGNOSA KLINIKAL		
20	**DR. CHONG AUN KEE**	KETUA JABATAN RADIOLOGI
21	**DR. RAUDHAWATI BINTI OSMAN**	KETUA JABATAN PATOLOGI
22	**DR. HARYANTI SARA AZMEEN BINTI MOHD RAZALI**	KETUA JABATAN PERUBATAN FORENSIK
23	**DR. NOR AMIZA BINTI MAT AMIN**	KETUA JABATAN PERUBATAN TRANSFUSI

KETUA JABATAN DAN UNIT

DIREKTORAT SOKONGAN KLINIKAL		
24	**DR. MOHAMMAD FADHLY BIN YAHYA**	KETUA JABATAN KECEMASAN & TRAUMA
25	**DR. NORIANI BINTI ABU BAKAR**	KETUA JABATAN PERUBATAN
DIREKTORAT SOKONGAN BUKAN KLINIKAL		
26	**SALIZA BINTI SHAIK ALLAWOODIN**	KETUA UNIT PEMULIHAN DAN CARA
27	**NUWAIRANI BINTI KHIR AMIN**	KETUA UNIT FISIOTERAPI
28	**LINA BINTI ISNIN**	KETUA JABATAN DIETETIK
29	**AHMAD NIZAM BIN ISA**	KETUA UNIT KEJURUTERAAN
30	**SITI HIR HURAIZAH BINTI MD TAHIR**	KETUA JABATAN FARMASI
31	**NAZRAH BINTI BIDIN**	KETUA JABATAN KERJA SOSIAL
32	**MOHD ROSLI BIN ADAM**	KETUA JABATAN REKOD PERUBATAN
33	**DR. NATALIA HANUM BINTI HASSIM**	KETUA UNIT KUALITI
34	**DR. NADIA BINTI JAMALUDIN**	KETUA UNIT KAWALAN INFEKSI
35	**SURIYA BINTI HASAN**	KETUA UNIT PENDIDIKAN PESAKIT
36	**MUHAMMAD FAISAL BIN SARWAN**	KETUA UNIT PERHUBUNGAN AWAM
37	**ADI FAHMY BIN ABU BAKAR**	KETUA UNIT HAL EHWAL ISLAM
38	**DR. RUBEN KUMAR A/L MANIAM**	KETUA UNIT KESELAMATAN &
39	**DR. NUR NAZEERAH BINTI ISHAK**	PENYELARAS PENGURUSAN PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH (PPS)
40	**DR. HASLIZAN BIN HASSAN**	KETUA UNIT PERUNDANGAN PERUBATAN (MEDICO LEGAL)
41	**DR. CHEW SHAO YANN**	KETUA UNIT PENJAGAAN LUKA
42	**DR. NORHAFIZAN BINTI A. HASAN**	PENYELARAS KLINIK MESRA
43	**JAFFRI BIN BAHARI**	KETUA UNIT DEWAN BEDAH
44	**MUHAMMAD KHAIRI BIN YAACOB**	KETUA UNIT PUSAT RAWATAN HARIAN
45	**DR. TAY QI LE**	PENYELARAS UNIT KESIHATAN AWAM

CARTA ORGANISASI



VISI

UNTUK MENJADIKAN Hospital Melaka Pusat Kecemerlangan Serantau yang berupaya memberi rawatan yang prihatin, cekap dan berkesan menerusi budaya kerja berpasukan, profesional dan penyayang serta menggunakan teknologi maklumat terkini.

MISI

UNTUK MENYEDIAKAN rawatan kepakaran yang berkualiti kepada masyarakat melalui semangat berpasukan, professional dan penyayang. Perkhidmatan ini hendaklah memberi tumpuan kepada pesakit, saksama dan mudah diperolehi oleh semua dengan menggunakan teknologi yang bersesuaian serta personel yang terlatih.

OBJEKTIF

1. Menyediakan rawatan kepakaran kepada pelanggan.
2. Memberi perkhidmatan rawatan kecemasan dan trauma yang efektif.
3. Memberi perkhidmatan rawatan pesakit dalam serta pesakit luar yang berkualiti.
4. Memastikan bahawa semua personel perubatan menjalani latihan dan pembelajaran perubatan yang berterusan.
5. Menjalankan penyelidikan dan audit demi meningkatkan rawatan yang berkualiti serta penambahbaikan berterusan.



BAHAGIAN PENGURUSAN

BAHAGIAN PENGURUSAN

PENGENALAN

Bahagian Pengurusan diketuai oleh Timbalan Pengarah (Pengurusan).Objektif Bahagian Pengurusan adalah untuk memastikan perkhidmatan yang diberikan dalam semua bidang pengurusan adalah berjalan lancar, cekap, telus dan berkesan. Bahagian Pengurusan terbahagi kepada 7 unit iaitu :

1. Unit Pentadbiran
2. Unit Sumber Manusia
3. Unit Kewangan dan Perolehan
4. Unit Pembangunan
5. Unit Pengurusan Maklumat
6. Unit Keselamatan
7. Unit Kejuruteraan Operasi

UNIT PENTADBIRAN

1.0 PENGENALAN

Unit Pentadbiran mempunyai TIGA (3) sub iaitu Sub Unit Pentadbiran Am, Sub Unit Pengangkutan dan Sub Unit Perumahan. Unit Pentadbiran diketuai oleh Pegawai Tadbir Diplomatik gred M44

2.0 SKOP PERKHIDMATAN

2.1 Menguruskan hal ehwal pentadbiran am seperti surat menyurat, pengurusan fail ter masuk pembukaan dan penutupan fail, sistem fail, faksimile, mesin cetak,riso,AR ber daftar,pos laju,franki;

2.2 Pengurusan Hal ehwal majlis dan acara rasmi Hospital Melaka, JKN dan agensi luar yang berkaitan;

2.3 Membantu pergerakan anggota pengurusan bagi jadual atas panggilan di bilik gerakan;

2.4 Pengurusan dan pemantauan penggunaan fasiliti Bilik-Bilik Mesyuarat dan Auditorium di Hospital Melaka;

2.5 Urusan tempahan makan-minum mesyuarat;

2.6 Urusan tuntutan pembelian telefon bimbit;

2.7 Urusan Mesyuarat Pengurusan Tertinggi, Mesyuarat Ahli Lembaga Pelawat Hospital (ALPH) dan Mesyuarat Ahli Lembaga Pelawat Hospital Psikiatri (ALPHP);

2.8 Pengurusan kenderaan jabatan;

2.9 Pengurusan kuarters dan perkhidmatan Anjung Kasih; dan

2.10 Urusan urusan am berkaitan pentadbiran pejabat.

3.0 SUMBER MANUSIA

JAWATAN/ GRED	BIL	ISI	KOSONG	PERATUSAN PENGISIAN (%)
Pegawai Tadbir & Diplomaitk M44	1	1	0	100%
Penolong Pegawai Tadbir N32	1	1	0	100%
Pembantu Tadbir N26	1	1	0	100%
Pembantu Tadbir N22	1	1	0	100%
Pembantu Tadbir N19/N22	6	6	0	100%
Penyelia Asrama N19/N22 (TBK)	2	2	0	100%
Pemandu H14	1	1	0	100%
Pemandu H11/14	19	19	0	100%
Pemandu R3/R6	5	5	0	100%
Pembantu Operasi N14	3	3	0	100%
Pembantu Am Pejabat N1/N4	2	2	0	100%
Pembantu Awam H11/H14/H16	3	3	0	100%
Pekerja Awam R1/R4	1	1	0	100%
JUMLAH	46	46	0	100%

Jadual 3.1: Maklumat Perjawatan Unit Pentadbiran 2022

4.0 BEBAN KERJA

4.1 Sub Unit Pentadbiran Am

BIL	PERKARA	JUMLAH
1	Penerimaan Surat	10,500 surat
2	Penghantaran surat/dokumen ke Jabatan/Unit	8500 surat
3	Penghantaran surat/dokumen ke JKN/agensi luar	2245 surat
4	Penerimaan masuk Parcel	3507 unit
5	Dokumen keluar Pos Laju	984 unit
6	Fail Dalam Simpanan Aktif	1,675 fail 64 fail
7	Pengurusan Pelupusan Fail	61 fail
8	Penggunaan Franki	7,616 keping
9	Penggunaan Setem	- unit
10	Penggunaan AR Register	180 keping
11	Penggunaan Risograf (3 Unit)	11,426,073 helai
12	Penggunaan Mesin Fotostat (30 unit)	3,815,705 helai
13	Penggunaan Bilik Mesyuarat/Dewan Sri Intan/ Auditorium	1,895 kali
14	Tempahan makan minum mesyuarat	326 kali
15	Urusan tuntutan pembelian telefon bimbit	51 permohonan

BIL	PERKARA	JUMLAH
16	Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Hospital Melaka	16 kali
17	Mesyuarat Ahli Lembaga Pelawat Hospital Melaka	3 kali
18	Mesyuarat Ahli Lembaga Pelawat Hospital Melaka Psikiatri (ALPHP)	11 kali

Jadual 4.1: Beban Kerja Unit Pentadbiran Am Pada 2022

4.2 Sub Unit Pengangkutan

BIL	PERKARA	JUMLAH
	(Jenis Kenderaan)	Bil pergerakan
1	Kereta	504
2	MPV	756
3	SUV	149
4	VAN	1538
5	PANEL	242
6	KARGO	351
7	LORI	244
8	BAS	39
9	KENDERAAN MAYAT	580
10	KENDERAAN JENAZAH	605
	Jumlah Pergerakan	5008

Jadual 4.2: Beban Kerja Pengangkutan Pada 2022

4.3 Sub Unit Perumahan

BIL	PERKARA	JUMLAH
1	Permohonan Masuk	42 permohonan
2	Permohonan Keluar	25 permohonan
3	Pengurusan Aduan Kerosakan	684 aduan
4	Penghuni Anjung Kasih YKN	76 penghuni

Jadual 4.3: Beban Kerja Perumahan Pada 2022

5.0 AKTIVITI

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1	Majlis Melafaz dan menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) Ahli Jemaah Doktor, Jemaah Doktor Khas dan Jemaah Doktor Rayuan dengan Kerjasama SPRM dan PERKESO Tempat : Jabatan Kesihatan Negeri Melaka	18/1/2022
2	Lawatan Kerja dari Jabatan Penerangan Tempat : Bilik Mesyuarat Delima	8/2/20222
3	Perhimpunan Bulanan Bil 2 Tahun 2022 Penganjur : Jabatan Otorinolaringologi	25/02/2022
4	Lawatan EXCO Kesihatan ke Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Melaka	28/02/2022
5	Lawatan Kerja Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) ke Hospital Kluster Melaka Tempat : Bilik Mesyuarat Zamrud	12/4/2022
6	Program Bubur Lambuk Hospital Melaka Bersama Bank Rakyat di Unit Angkut dan Lobi Utama	21/4/2022
7	Perjumpaan Pengurusan Tertinggi Hospital Melaka bersama Petugas Hospital Sempena Hari Raya Aidilfitri 2022	03/05/2022
8	Lawatan Ketua Setiausaha KKM ke Hospital Melaka Lobi Utama Hospital Melaka	14/05/2022
9	Majlis Sambutan Aidilfitri Peringkat Hospital Melaka 2022	27/05/2022
10	Perhimpunan Bulanan Bil 5 Tahun 2022 Penganjur : Jabatan Psikiatri	31/05/2022
11	Perhimpunan Bulanan Bil 6 Tahun 2022 Penganjur : Jabatan Dermatologi	24/06/2022
12	Perhimpunan Bulanan Bil 7 Tahun 2022 Penganjur : Jabatan Perubatan	22/07/2022
13	Majlis Penyerahan Hamper Bayi Maal Hijrah	29/07/2022
14	Perhimpunan Bulanan Bil 8 Tahun 2022 Penganjur : Jabatan Forensik	19/08/2022
15	Majlis Sambutan Ambang Merdeka di Auditorium Sri Baiduri	30/08/2022

BIL	AKTIVITI	TARIKH
16	Majlis Serahan Hamper Bayi Merdeka	31/8/2022
17	Perhimpunan Bulanan Bil 9 Tahun 2022 Penganjur : Jabatan Ortopedik	23/09/2022
18	Penyerahan Cenderahati Bayi Qurratu A'yun Peringkat Hospital Melaka di Wad 3-3	9/10/2022
19	Perhimpunan Bulanan Bil 10 Tahun 2022 Penganjur : Jabatan Dietetik & Sajian	21/10/2022
20	Perhimpunan Bulanan Bil 11 Tahun 2022 Penganjur : Jabatan Rekod Perubatan	25/11/2022
21	Perhimpunan Bulanan Bil 12 Tahun 2022 Penganjur : Jabatan Pembedahan	16/12/2022

Jadual 5.1: Aktiviti Sepanjang Tahun 2022

BIL	AKTIVITI YANG DILAKSANAKAN BERSAMA KPH/ KPJ/ WAD/ JABATAN DAN NGO	TARIKH
1	Hari Kesihatan Sedunia Anjuran Unit Pendidikan Pesakit 2022 Tempat : Parking Lobi Utama Hospital Melaka	01/04/2022
2	World Blood Donor Day 2022 Anjuran Jabatan Perubatan Transfusi 2022 Tempat: Auditorium Sri Baiduri	2/7/2022
3	Majlis Tilawah Al-Quran JKNM di Oriental Hospital, Klebang Melaka	10/8/2022
4	Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia Peringkat Negeri Melaka anjuran Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental Hospital Melaka di Lot Parkir Bersebelahan Bangunan Kompleks Ilmu	14/10/2022
5	Pink Charity Day Sempena Bulan Kesedaran Kanser Payudara Anjuran Jabatan Pembedahan di Perkarangan Parking Lobi Utama	15/10/2022
6	Simulasi Bencana (Lobi Utama, Jabatan Rekod Perubatan, Jabatan Kecemasan,Pusat Rawatan Harian)	27/10/2022

Jadual 5.2: Aktiviti yang Dilaksanakan Bersama KPH/ KPJ/ WAD/ JABATAN Dan NGO Pada Tahun 2022

6.0 ISU DAN CABARAN

6.1 Kekurangan kakitangan terlatih dalam pengurusan majlis rasmi dan keraian serta tiada sub unit khas yang khusus untuk menguruskan urusan pengurusan majlis;

6.2 Kekurangan aset peralatan khas untuk kegunaan pengurusan majlis rasmi seperti kamera, kerusi panjang, set meja jamuan dan lain-lain. Ini sedikit sebanyak memberi impak dalam kelancaran pelaksanaan majlis dan program rasmi hospital;

6.3 Ruang penyimpanan fail yang terhad dan tidak dapat menampung bilangan fail jabatan/ unit yang banyak, ruang simpanan stor yang tidak praktikal;

6.4 Kekurangan kakitangan bagi pengurusan fasiliti Anjung Kasih yang merupakan rumah transit bagi waris-waris pesakit dan waris yang menunggu pesakit selesai mendapatkan perkhidmatan;

6.5 Kekurangan aset di unit seperti komputer, kerosakan alat penghawa dingin, kerusi yang perlu diganti, ruang kerja pejabat yang memerlukan partition;

7.0 PENCAPAIAN

UNIT SUMBER MANUSIA

1.0 PENGENALAN

Unit Sumber Manusia merupakan unit di bawah Bahagian Pengurusan yang diketuai oleh seorang Ketua Penolong Pengarah (Sumber Manusia) iaitu Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M48.

2.0 SKOP PERKHIDMATAN

SKOP PERKHIDMATAN	PEGAWAI PENYELIA	KEKUATAN
2.1 Perkhidmatan 2.2 Tatatertib	Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M48 (M) (KUP)	♦ Penolong Pegawai Tadbir N36 (1) ♦ Ketua Pembantu Tadbir Kanan Tertinggi N28 (1) ♦ Ketua Pembantu Tadbir Kanan N22 (1) ♦ Pembantu Tadbir N19 (16) ♦ Pembantu Operasi N11 (1)
2.3 Perjawatan 2.4 Latihan & Kompetensi 2.5 HRMIS	Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M 44	♦ Ketua Pembantu Tadbir Kanan Tertinggi N28 (1) ♦ Pembantu Tadbir N19 (7)

3.0 SUMBER MANUSIA

JAWATAN/ GRED	BILANGAN	ISI	KOSONG	PERATUSAN PENGISIAN (%)
Ketua Penolong Pengarah (Sumber Manusia) M48	1	1	0	100%
Ketua Penolong Pengarah (Sumber Manusia) M48 (M) (KUP)	1	1	0	100%
Penolong Pengarah Kanan (Latihan & Perja-wataan) M44	1	1	0	100%
Penolong Pegawai Tadbir Tinggi (Sumber Manusia) N36	1	1	0	100%
Ketua Pembantu Tadbir Kanan Tertinggi (P/O) N26	2	2	0	100%
Ketua Pembantu Tadbir Kanan (P/O) N22	1	1	0	100%
Pembantu Tadbir (P/O) N19/N22 (KUP)	23	23	0	100%
Pembantu Operasi (Sumber Manusia) N11	1	1	0	100%
JUMLAH	**32**	**32**	**0**	**100%**

4.0 BEBAN KERJA

4.1	Mengurus hal-hal perkhidmatan kakitangan berkaitan:-	
	4.1.1 Pertukaran	368 orang
	4.1.2 Peletakan jawatan	81 orang
	4.1.3 Persaraan (wajib & pilihan)	33 orang
	4.1.4 Tanggung kerja	36 orang
	4.1.5 Pelantikan baharu	279 orang
	4.1.6 Bertukar masuk	272 orang
	4.1.7 Meninggal dunia	3 orang
	4.1.8 Permohonan/pengesahan pelantikan	157 orang
	4.1.9 Permohonan/pengesahan dalam perkhidmatan	69 orang
	4.1.10 Pemberian taraf berpencen	67 orang
	4.1.11 Pemangkuan/Kenaikan pangkat	224 orang
	4.1.12 Pengisytiharan harta	4346 orang
	4.1.13 Cuti (tanpa gaji, separuh gaji, belajar gaji penuh)	162 orang
	4.1.14 Lawatan Keluar Negara	115 orang
	4.1.15 Permohonan Jawatan Baharu	6 orang
	4.1.16 Kemudahan Tambang Mengunjung Wilayah Asal	28 orang
	4.1.17 Pegawai-pegawai Kontrak	939 orang
	4.1.18 Pergerakan Gaji Tahunan	4490 orang
	4.1.19 Laporan Nilaian Prestasi Tahunan	832 orang 4302 orang
4.2	Mengurus hal-hal perjawatan	
	4.2.1 Mengemaskini perjawatan Hospital Melaka setiap bulan mengikut aktiviti.	12 kali setahun
	4.2.2 Mengemaskini perjawatan Hospital Melaka setiap kali menerima waran perjawatan yang baharu diluluskan.	15 kali setahun
	4.2.3 Menyediakan laporan bulanan perjawatan, laporan Pegawai Perubatan Siswazah dan laporan pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional.	12 kali setahun

4.3	Melaksanakan perubahan modul-modul perisian yang terkandung dalam sistem HRMIS TETAP: 3470 orang KONTRAK: 832 orang JUMLAH: 4302	
	4.3.1 Profil Perkhidmatan	100%
	4.3.2 Rekod Peribadi	100%
	4.3.3 Perjawatan	100%
	4.3.4 Cuti	98%
	4.3.5 Isytihar Harta	100%
	4.3.6 SKT / LNPT	100%
	4.3.7 MyPerfomance	100%
	4.3.8 Myportfolio	100%
4.4	Mengurus tindakan tatatertib dan menyediakan laporan terhadap anggota hospital:	
	4.4.1 Kumpulan Pengurusan & Profesional	3
	4.4.2 Kumpulan Sokongan 1	7
	4.4.3 Kumpulan Sokongan 2	8
4.5	Menganjur dan melaksanakan latihan (Kursus, Taklimat, Bengkel, Ceramah) untuk anggota hospital.	
	4.5.1 Kursus	109
	4.5.2 CME • Klinikal	1389
4.6	Mengurus peperiksaan dan kursus untuk anggota hospital:	
	4.6.1 Permohonan *Master* Program	
	• Sarjana Perubatan	29 permohonan
	• Area of Special Interest	1 permohonan
	• Sub Kepakaran	15 permohonan
	4.6.2 Kursus Pos Basik	
	• Sesi kemasukan bulan Mac 2022	40 permohonan
	• Sesi kemasukan bulan Sept 2022	45 permohonan

4.7	Mengurus latihan untuk penuntut-penuntut Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta(IPTS) serta Kolej-kolej: 4.7.1 IPTA dan IPTS dengan MOA 4.7.2 IPTA dan IPTS tidak memerlukan MOA 4.7.3 Kolej-kolej LKKM 4.7.4 Pelajar Perubatan Manipal Medical College	 2245 orang 0 orang 80 orang 1216 orang
4.8	Menyelaras rekod aktiviti latihan/kursus untuk anggota Hospital Melaka	4302 orang (data pengisian sehingga 31 Dis 2022)

5.0 AKTIVITI

5.1 Aktiviti Peningkatan Kualiti

5.1.1 Menganjurkan kursus/taklimat/audit sepanjang tahun 2022:

NO	NAMA KURSUS	TARIKH	PESERTA (ORANG)
1	Bengkel Hala Tuju Hospital Melaka	29-31 MAC 2022	74 ORANG
2	Kursus Orientasi Staff Baru / Bertukar Masuk	22 April 2022 (184 ORANG)	601 ORANG
		Pada Tarikh Lapor Diri Pegawai (129 ORANG)	
		Pada Tarikh Lapor Diri Pegawai (168 ORANG)	
		Pada Tarikh Lapor Diri Pegawai (120 ORANG)	
3.	Audit Verifikasi Continuing Professional Development (CPD)	20 Julai sehingga 15 Ogos 2022	679 ORANG

Jadual 5.1: Kursus / Taklimat Sepanjang Tahun 2022

5.2 Aktiviti Unit

5.2.1 Mengadakan Mesyuarat Unit Sumber Manusia (USM) bagi membincangkan perkara-perkara berkaitan semua hal-hal Pengurusan Sumber Manusia dan latihan / kursus yang timbul sepanjang tahun.

5.2.2 Melaksanakan Hari Pemeriksaan Buku Rekod Perkhidmatan bersama kakitangan Hospital Melaka sebanyak bagi tempoh dari 1 Januari hingga 31 Disember 2022 bertujuan membolehkan kakitangan mengetahui dan memeriksa sendiri maklumat perkhidmatan yang telah direkodkan dalam Buku Rekod Perkhidmatan mereka serta menyelesaikan sebarang isu-isu berkenaan perkhidmatan yang dikenalpasti**.**

5.2.3 Mengadakan Sesi Perkongsian Ilmu (CME) bertujuan meningkatkan dan memantapkan budaya perkongsian ilmu di kalangan kakitangan Sumber Manusia dalam tugasan yang dilaksanakan di samping memupuk kerja secara berpasukan.

5.2.4 Melaksanakan Program Kesedaran terhadap Integriti dan kod etika dengan menyampaikan taklimat / ceramah kepada kakitangan mengenai Integriti sepanjang tahun.

5.2.5 Mengadakan aktiviti gotong royong bagi mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif dan selesa.

6.0 PENCAPAIAN

6.1 Seramai **350** orang warga kerja Hospital Melaka telah dianugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2022 dan kategori penerima adalah seperti berikut :

JAWATAN	BILANGAN PEGAWAI
Pengurusan & Profesional	105 orang
Sokongan 1	200 orang
Sokongan 2	45 orang

6.2 Pencapaian bilangan pegawai Hospital Melaka yang telah menghadiri kursus dalam tahun 2022 adalah seperti berikut:

TEMPOH KURSUS	PERATUS
Berkursus 7 hari dan lebih	21.70%
Berkursus kurang 7 hari	46.30%
Tidak berkursus	32%

6.3 Satu indikator yang tersenarai di bawah *Hospital Performance Indicator Accountability* (HPIA) telah mencatat pencapaian 100% pada tahun 2022 iaitu **Indikator 15** adalah peratusan kakitangan baharu yang menghadiri program orientasi dalam masa tiga (3) bulan peringkat Hospital Melaka.

6.4 Laporan Prestasi Peruntukan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) sehingga 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

PERKARA	RM	PERATUSAN
Peruntukan Diterima	82,577.82	100%
Perbelanjaan	82,577.82	100%
BAKI	**0.00**	**0.00%**

UNIT KEWANGAN & PEROLEHAN

1.0 PENGENALAN

Unit Kewangan dan Perolehan merupakan sebuah unit yang bertanggungjawab di dalam pengurusan kewangan, akaun, perolehan, pengurusan aset alih & stor, kutipan hasil dan bayaran daftar masuk pesakit di Hospital Melaka. Unit ini membantu pengurusan atasan dalam memberi keputusan yang berkesan ke arah pencapaian objektif Hospital Melaka dengan pemberian perkhidmatan yang tepat selaras dengan peraturan kewangan yang berkuatkuasa.

Objektif Unit Kewangan dan Perolehan adalah untuk melaksanakan satu sistem pengurusan kewangan dan akaun yang amanah, cekap, kemas dan berkesan bagi menyokong dan menyelaras usaha-usaha pelbagai program dan aktiviti hospital.

2.0 SKOP PERKHIDMATAN DAN SUMBER MANUSIA

2.1 Skop Perkhidmatan Unit Kewangan dan Perolehan adalah seperti berikut:

2.1.1 Pengurusan Perakaunan/Bayaran

- Menguruskan pembayaran secara elektronik melalui sistem Igfmas bagi bil-bil, perkhidmatan kontrak, tuntutan serta elaun-elaun dalam perkhidmatan
- Menguruskan pembayaran Elaun Lebih Masa, Elaun Tugas Atas Panggila (ETAP), dan Pembedahan Elektif
- Menyedia dan menyelaraskan Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan
- Memantau Prestasi Perbelanjaan dan penyediaan laporan-laporan kewangan
- Menguruskan permohonan Pinjaman Perumahan, Kenderaan dan Komputer.

2.1.2 Pengurusan Perolehan/Pesanan Kerajaan

- Mengeluarkan Pesanan Tempatan bagi pembelian terus bekalan/ perkhidmatan bernilai kurang daripada RM50,000 melalui ePerolehan.
- Menguruskan Perolehan secara Sebutharga bagi bekalan/perkhidmatan/ projek pembangunan bernilai antara RM50,000.00 hingga RM500,000.00.

2.1.3 Pengurusan Aset Alih & Stor

- Menguruskan aset alih kerajaan secara menyeluruh iaitu pembelian, pendaftaran, permohonan hadiah, pindahan, pergerakan aset, pelupusan, kehilangan, hapus kira.
- Menguruskan Stor Utama Alatulis secara menyeluruh iaitu pembelian, penerimaan, penyimpanan, pengagihan ke stor unit, pemeriksaan, pemverifikasi, pelupusan, kehilangan, hapus kira.

2.1.4 Pengurusan Gaji

- Bertanggungjawab menguruskan Pembayaran Gaji dan Elaun kakitangan hospital.
- Menyediakan Perubahan Gaji, menyemak dan membuat pengesahan Potongan Gaji.

2.1.5 Pengurusan Hasil/Daftar Masuk

- Menguruskan semua pungutan dan penerimaan hasil hospital
- Menyediakan laporan bulanan dan tahunan hasil
- Menguruskan tunggakan hasil
- Menguruskan daftar masuk pesakit ke dalam wad hospital

2.2 Maklumat perjawatan adalah seperti berikut:

BIL	JAWATAN	GRED	JUMLAH SEDIA ADA
1	Pengurusan & Profesional	M48	1
		M44	1
		WA44	1
		WA41	1
2	Sokongan 1	W36	2
		N32	2
		W26	1
		W22	2
		W19	23
		N19	14
3	Sokongan 2	N11 / R11	3

3.0 BEBAN KERJA

3.1 Secara keseluruhan, Hospital Melaka telah membelanjakan sebanyak **RM467,410,386.41** bagi Peruntukan Mengurus iaitu sebanyak **112.50%** dan **RM41,415,473.00** bagi Peruntukan Pembangunan iaitu sebanyak **100.00**% bagi tahun 2022 seperti jadual di bawah:

PERUNTUKAN MENGURUS		
PERUNTUKAN	**PERBELANJAAN**	**PRESTASI**
RM415,457,228.84	RM467,410,386.41	112.50%
PERUNTUKAN PEMBANGUNAN		
PERUNTUKAN	**PERBELANJAAN**	**PRESTASI**
RM41,416,023.00	RM41,415,473.00	100.00%

3.2 Jumlah kutipan hasil sepanjang tahun 2022 adalah seperti berikut:

JUMLAH KUTIPAN HASIL (RM)
RM7,910,646.21

3.3 Pengurusan Dokumen Kewangan Tahun 2022

AKTIVITI UTAMA	PENJELASAN AKTIVITI	PENCAPAIAN
Pengurusan Perakaunan/ Bayaran	Waran Peruntukan B42	RM415,984,868.84
	Waran Peruntukan P42	RM49,611,893.06
	Baucar Bayaran	17,771 Baucar
Pengurusan Perolehan (Sebutharga)	Bekalan	72 Sebutharga
	Perkhidmatan	3 Sebutharga
	Aset Perubatan	13 Sebutharga
	Projek Pembangunan	2 Sebutharga
Pengurusan Kewangan Am	Perumahan	111 Permohonan
	Kenderaan	04 Permohonan
Pengurusan Gaji	Pengurusan gaji anggota kerja di *payroll*	4,429 Kakitangan
	<u>Pengurusan ABT – Emolumen</u>	
	Jumlah ABT	RM1,537,895.32
	Jumlah berjaya dikutip	RM1,326,437.37
	% kutipan	86.25%

AKTIVITI UTAMA	PENJELASAN AKTIVITI	PENCAPAIAN
Pengurusan Hasil/ Daftar Masuk	Terimaan Hasil	RM 7,910,646.21
	Pesakit Daftar Masuk	67,224 Pesakit
	Pengeluaran Bil	40,154 Bil
	Pengeluaran Resit	79828 Resit
	Pengeluaran Surat Peringatan	2564 Surat
	Penyata Pemungut	1095 Baucar
Pengurusan Aset/ Stor	Pendaftaran Harta Modal	302 Aset (RM55,371,637.41)
	Pendaftaran Inventori	610 Aset (RM414,931.90)
	Pelupusan Aset	1,035 (RM5,751,459.94)
		Jumlah Hasil Pelupusan : RM9,162.80
	Sumbangan & Hadiah	117 Aset (RM442,537.39)
	Bilangan Stok dalam Simpanan	RM531,950.56

4.0 AKTIVITI

4.1 Aktiviti Peningkatan Kualiti

4.1.1 Terlibat dengan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan.

4.1.2 Menjalankan Kajian Borang Discaj Tak Lengkap.

4.1.3 Menjalankan alternatif pungutan deposit ke wad-wad bagi pesakit yang dimasukkan terus dari Jabatan Kecemasan dan Trauma ke wad-wad.

4.1.4 Menjalankan sebutharga perolehan bekalan bagi Hospital Kluster.

4.1.5 Memastikan fail pekeliling dikemaskini dari semasa ke semasa mengikut pekeliling-pekeliling yang berkuatkuasa.

4.1.6 Tapisan ke atas permohonan pinjaman perumahan/ komputer/ kenderaan bagi memastikan pemohon yang terlibat dengan bayaran balik Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK) atau gaji menyelesaikan bayaran tersebut sebelum permohonan diproses.

4.1.7 Mewujudkan sistem daftar gaji bulanan warga kerja Hospital Melaka.

4.1.8 Pemantauan terperinci secara harian ke atas prestasi pembayaran bil dalam tempoh 7 hari.

5.0 PENCAPAIAN

a. Pelaksanaan sistem iGFMAS dan e-Perolehan secara menyeluruh.

b. Peluasan dalam tatacara bayaran bil dengan mengenakan bayaran melalui e-Payment sekaligus meningkatkan pungutan hasil.

c. Pelaksanaan pendaftaran aset menggunakan Sistem Pengurusan Aset (SPA) secara menyeluruh selaras dengan arahan Kementerian Kewangan (MOF).

d. Permohonan stok alatulis secara online dengan melalui Sistem Pengurusan Stok (SPS) selaras dengan arahan Kementerian Kewangan (MOF).

e. Mempercepatkan proses kerja dengan penggunaan sistem eGL (*electronic Guarantee Letter*) bagi penjawat-penjawat awam mendapatkan rawatan perubatan tanpa membawa surat pengesahan diri.

f. Pengawalan perbelanjaan berdasarkan peruntukan yang diberi dengan memastikan tiada perbelanjaan dibuat tanpa peruntukan.

g. Pencapaian objektif kualiti - pendaftaran masuk wad bagi pesakit yang berdaftar dalam tempoh 10 minit adalah 95.40%.

h. Sebanyak 97.78% baucar bayaran berjaya diselesaikan dalam tempoh 7 hari.

i. Terimaan hasil pada tahun 2022 berjumlah RM7,910,646.21 juta meningkat sebanyak RM0.35 juta berbanding RM7,558,172.00 juta pada tahun 2021.

UNIT PEMBANGUNAN

1.0 PENGENALAN

Pengurusan Unit Pembangunan Hospital Melaka diketuai oleh Pegawai Tadbir dan Diplomatik gred M44. Tugas-tugas di bawah Unit Pembangunan terdiri dari tiga aspek utama iaitu:

1.1 Pengurusan Projek di bawah Peruntukan Pembangunan (P42) bagi Butiran Projek 00600 (Naik taraf/Ubahsuai/Pembaikan), 00900 (Penyelenggaraan Kuarters), Peruntukan Belanja Mengurus (B42) di bawah Sistem Kejuruteraan (*Sinking Fund*), penyelenggaraan dan pembaikan di bawah objek OS28000, serta Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMK) selain peruntukan khas berkaitan pembangunan;

1.2 Pengurusan Premis; dan

1.3 Pengurusan Tanah seliaan Hospital Melaka.

2.0 SKOP PERKHIDMATAN

Fungsi Unit Pembangunan merangkumi:

2.1 Memastikan dan mengurus projek-projek di bawah butiran projek 00600 (Naik taraf/ Ubahsuai/Pembaikan), 00900 (Penyelenggaraan Kuarters), *Sinking Fund*, penyelenggaraan dan pembaikan di bawah objek OS28000, serta Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMK) selain peruntukan khas berkaitan pembangunan yang dirancang dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan.

2.2 Memastikan peruntukan kewangan yang terhad digunakan secara optima dan dibelanjakan pada tahun semasa.

2.3 Memohon dan menyelaras peruntukan pembangunan tahunan serta peruntukan mengurus, kerja-kerja kecil dan penyelenggaraan hospital.

2.4 Memantau dan mengurus kemajuan fizikal dan prestasi kewangan yang telah diperuntukkan.

2.5 Menyelaras semua projek Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMK) dengan agensi dalaman dan luaran.

2.6 Mengurus permohonan dan pemantauan berkaitan premis di Hospital

2.7 Mengurus dan memantau urusan tanah-tanah Hospital Melaka

3.0 SUMBER MANUSIA

JAWATAN/ GRED	BILANGAN	ISI	KOSONG	PERATUSAN PENGISIAN (%)
Pegawai Tadbir dan Diplomat-ik M44	1	1	0	100%
Penolong Pegawai Tadbir N29	1	1	0	100%
Pembantu Tadbir Tinggi N22	1	1	0	100%
Pembantu Tadbir Tinggi N22 (KUP)	1	1	0	100%
Pembantu Tadbir N19	2	2	0	100%
Pembantu Operasi N11	1	1	0	100%
JUMLAH	**7**	**7**	**0**	**100%**

4.0 BEBAN KERJA

4.1 Perbelanjaan Projek di bawah Peruntukan Pembangunan (P42) dan Belanja Mengurus (B42) yang telah dilaksanakan bagi tahun 2020 dengan melibatkan peruntukan perbelanjaan seperti berikut:

4.1.1 Perbelanjaan Projek di bawah Peruntukan Pembangunan (P42)

BIL	PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	BAKI (RM)
1	Latihan Dalam Perkhidmatan Bagi Anggota KKM (00105)	82,577.82	82,577.82 (100%)	-
2	PPP/PFI Perkhidmatan Sokongan Hospital (00300)	38,762,348.18	38,762,348.18 (100%)	-
3	Menaiktaraf Kemudahan Hemodialisis Di Hospital (00300)	71,070.00	71,070.00 (100.00%)	-
4	Ubahsuai, Naiktaraf Dan Pembaikan Fasiliti Kesihatan (00600)	440,810.00	440,810.00 (100.00%)	-

BIL	PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	BAKI (RM)
5	Naiktaraf Peralatan Perubatan Dan Bukan Perubatan Serta Kenderaan (01100)	2,059,217.00	2,058,667.00 (99.97%)	550.00 (0.03%)
JUMLAH		**41,416,023.00**	**41,415,473.00 (99.99%)**	**550.00 (0.01%)**

4.1.2 Perbelanjaan Projek di bawah Peruntukan Belanja Mengurus (B42) OS28000 serta *Sinking Fund*

BIL	PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	BAKI (RM)
1	Pengelenggaraan Dan Pembaikan Kecil	140,692.00	140,692.00 100%	-
2	*Sinking Fund*	200,000.00	200,000.00 100.00%	-
JUMLAH		**340,692.00**	**340,692.00 (100.00%)**	**-**

4.2 Projek bawah RMK-10/RMK-11/ Peruntukan Khas

BIL	PROJEK	AGENSI PELAKSANA	KATEGORI PERUNTUKAN
1	Naiktaraf Sistem Bekalan Elektrik Hospital Melaka (Reka & Bina)	JKR, CKK	RMK 11, RP4
2	Naiktaraf Jabatan Kecemasan Dan Trauma Serta Jabatan Pergigian Pediatrik Hospital Melaka (Reka & Bina)	JKR, CKK	RMK 11, RP2
3	Naiktaraf Bangunan Sedia Ada Jabatan Perubatan Transfusi, Hospital Melaka (Reka & Bina)	JKR, CKK	RMK 11, RP2

BIL	PROJEK	AGENSI PELAKSANA	KATEGORI PERUNTUKAN
4	Kerja-kerja Menaiktaraf Dan Peng-gantian Sistem Lif Di Hospital Melaka	JKR, CKM	RMK 11, RP4
5	Menaiktaraf Sistem Bekalan Air Di Hospital Melaka	BPK, KKM	RMK 12, RP2

4.3 Pengurusan Premis sepanjang tahun 2022

BIL. SEDIA ADA MASIH DALAM KONTRAK	BIL. TELAH TAMAT KONTRAK	BIL. KONTRAK BARU	JUMLAH TERKINI MASIH DALAM KONTRAK
12	2	0	10

4.4 Pengurusan dan pemantauan tanah hospital berikut:

4.4.1 Tanah Perkuburan Jelutong;

4.4.2 Tanah Peringgit;

4.4.3 Tanah Pokok Kelapa;

4.4.4 Tanah Kawasan Hospital;

4.4.5 Tanah Kuarters Al-Zahrawi;

4.4.6 Tanah Kuarters Taman Pokok Mangga; dan

4.4.7 Tanah Kuarters Cheng.

5.0 AKTIVITI

5.1 Bekerjasama dengan jabatan/unit bagi kerja-kerja naik taraf Hospital Melaka melibatkan Peruntukan Pembangunan (P42) bagi Butiran Projek 00600 (Naik taraf/ ubahsuai/pembaikan), Peruntukan Belanja Mengurus (B42) di bawah Sistem Kejuruteraan (*Sinking Fund*) dan Penyelenggaraan dan pembaikan di bawah objek OS28000 serta Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMK) selain lain-lain peruntukan khas berkaitan pembangunan.

5.2 Bekerjasama dengan Jabatan Kerja Raya Malaysia, Cawangan Kerja Kesihatan, Ibu Pejabat JKR Malaysia, Kuala Lumpur bagi Projek Naiktaraf Jabatan Kecemasan dan Trauma serta Jabatan Pergigian Pediatrik, Hospital Melaka, Projek Naiktaraf Bangunan Sedia Ada Jabatan Perubatan Transfusi, Hospital Melaka dan Kerja-Kerja Menaiktaraf dan Penggantian Sistem Lif di Hospital Melaka.

5.3 Bekerjasama dengan Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM serta Bahagian Kejuruteraan, KKM bagi projek-projek berkaitan di Hospital Melaka.

5.4 Terlibat dalam penyediaan kertas kerja Jabatan/Unit bagi kerja-kerja naiktaraf Hospital Melaka.

5.5 Menyelaras permohonan jabatan/unit untuk kelulusan Jabatan Kesihatan Negeri Melaka (JKNM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri bagi kerja-kerja naiktaraf di bawah Butiran Projek 00600, 00900 dan RMK.

5.6 Menyelaras prestasi perbelanjaan semua peruntukan Pembangunan P42 seperti BP00105 (Latihan Dalam Perkhidmatan), BP00600 (Naiktaraf, Ubahsuai Dan Pembaikan), BP0030BP00900 (Penyelenggaraan Kuarters KKM) dan BP01100 (Peralatan Perubatan Dan Kenderaan).

5.7 Mengurus penyewaan, permohonan baru, penamatan kontrak dan pemantauan berkaitan premis di Hospital Melaka.

5.8 Pengurusan dan pemantauan PPM tanah-tanah Hospital Melaka

6.0 PENCAPAIAN

6.1 Prestasi projek-projek pembangunan yang dilaksanakan bagi tahun 2022 berjaya disiapkan 100% dalam tahun semasa.

6.2 Prestasi pengurusan premis sepanjang tahun 2022 memuaskan.

6.3 Prestasi Pengurusan dan pemantauan PPM tanah-tanah Hospital Melaka mengikut jadual dan memuaskan.

7.0 ISU DAN CABARAN

7.1 Terdapat beberapa projek pembangunan yang telah diluluskan dan kini sedang dalam proses pra pelaksanaan. Pelaksanaan projek-projek tersebut adalah di bawah agensi luar seperti Cawangan Kerja Kesihatan, Jabatan Kerja Raya (CKK,JKR) serta Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, Kementerian Kesihatan Malaysia (BPK, KKM). Pemantauan projek di lokasi masih dilakukan oleh Unit Pembangunan yang mempunyai tenaga kerja yang terhad serta tiada kakitangan daripada kumpulan teknikal contohnya jawatan Penolong Jurutera. Ketiadaan kakitangan yang mempunyai latar belakang teknikal di Unit Pembangunan kadangkala telah menyebabkan sedikit kelewatan dalam penyediaan spesifikasi serta pemantauan tidak dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

7.2 Bagi penyewaan premis, kadangkala berlaku kelewatan menjelaskan bayaran sewaan atau utiliti seperti yang ditetapkan. Selain itu, terdapat beberapa aduan awam yang berkaitan dengan perkhidmatan premis-premis sewaan. Namun begitu, ianya berjaya diatasi setelah disusuli dengan surat peringatan dan teguran serta perbincangan dari semasa ke semasa.

7.3 Tanah Pulau Kelapa beberapa kali telah dicerobohi dan dijadikan tempat pembuangan sampah domestik serta industri. Hal ini menyebabkan berlakunya aduan daripada penduduk berhampiran. Pemantauan berkala telah dibuat bagi memastikan ianya terkawal. Namun begitu, pembuangan sampah di tanah tersebut adalah sukar untuk dielakkan disebabkan lokasi tanah tersebut yang mudah diakses.

UNIT PENGURUSAN MAKLUMAT

1.0 PENGENALAN

Unit Pengurusan Maklumat (UPM) merupakan salah satu unit yang terletak di bawah Bahagian Pengurusan Hospital Melaka yang bertanggungjawab mengurus, menyelaras dan menyediakan perkhidmatan ICT kepada hospital agar pelaksanaan ICT berjalan dengan lancar selaras dengan Pelan Strategik Bersepadu (ISP) Kementerian Kesihatan Malaysia. UPM diterajui oleh Pegawai Teknologi Maklumat Kanan F44 dan mempunyai sebelas (11) orang anggota. Unit ini terbahagi kepada 3 bidang sub unit iaitu Pentadbiran ICT, Aplikasi ICT dan Operasi ICT.

2.0 SKOP PERKHIDMATAN

Membekalkan perkhidmatan ICT yang meliputi:

2.1 Pelaksanaan Dasar, Polisi dan prosidur ICT – Melaksanakan Dasar, Polisi dan prosidur ICT yang telah ditetapkan oleh MAMPU, KKM, JKN dan hospital untuk memastikan pematuhan dan keselamatan ICT terjamin.

2.2 Pembangunan, pelaksanaan dan penyelenggaraan Sistem Aplikasi ICT - Merancang, membangun, menyelaras dan menyelenggara serta memantau pelaksanaan sistem aplikasi, emel dan portal bagi menyokong operasi agar berjalan dengan lancar;

2.3 Perkhidmatan Rangkaian dan Komunikasi ICT - Menyedia dan mengurus kemudahan komunikasi dan rangkaian seperti capaian internet, rangkaian dalaman dan wireless berpusat;

2.4 Perancangan, pembangunan dan penyelenggaraan Infrastruktur ICT - Merancang, membangun dan menyelenggara infrastruktur ICT bagi memudahkan maklumat termasuk rangkaian;

2.5 Keselamatan ICT - Merancang dan menyediakan perkhidmatan dalam melindungi kerahsiaan dan kesahihan maklumat, integriti data dan meminimumkan insiden keselamatan dalam penggunaan kemudahan ICT di Hospital Melaka termasuk memastikan warga Hospital mematuhi Dasar Keselamatan ICT KKM;

2.6 Tahap Kompetensi ICT - Memberi latihan dan pendedahan khidmat teknikal bagi peningkatan kompetensi ICT warga kerja hospital ke arah budaya kerja baru menggunakan kemudahan ICT;

2.7 Khidmat Sokongan Teknikal ICT - Memberi perkhidmatan bantuan teknikal kepada pengguna kemudahan ICT Hospital;

2.8 Khidmat Spesifikasi Teknikal Perolehan dan Projek ICT - Mengendali, mengurus dan menganalisa secara teknikal perolehan bekalan, perkhidmatan dan pengurusan projek ICT hospital;

2.9 Pengurusan Pengoperasian Pusat Data - Mengurus dan menyelaras operasi Pusat Data agar berjalan lancar tanpa gangguan; dan

2.10 Khidmat Nasihat ICT - Menyediakan perkhidmatan khidmat runding berkaitan penggunaan dan pembangunan kemudahan ICT Hospital.

3.0 SUMBER MANUSIA

JAWATAN/GRED	BIL	ISI	KOSONG	PERATUSAN PENGISIAN
Pegawai Teknologi Maklumat Kanan F44	2	2	0	100%
Pegawai Teknologi Maklumat F41/F44	3	3	0	100%
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	1	1	0	100%
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	1	1	0	100%
Juruteknik Komputer FT19	3	3	0	100%
PembantuTadbir N19	1	1	0	100%
JUMLAH	**11**	**11**	**0**	**100%**

Jadual 3.1: Maklumat Perjawatan Unit Pengurusan Maklumat 2022

4.0 BEBAN KERJA

4.1 Pengurusan Operasi ICT

4.1.1 Statistik Bilangan Peralatan ICT Tahun 2022

PERALATAN ICT	BILANGAN
Komputer Peribadi	421 unit - aset Hospital 136 unit - sewaan
Laptop	18 unit - aset Hospital 16 unit - sewaan
Printer	321 unit
Server	13 unit
Switch rangkaian	71 unit

Jadual 4.1: Bilangan Peralatan ICT Yang Dibawah Pemantauan Tahun 2022

4.1.2 Statistik Ringkasan Laporan Aduan Kerosakan ICT Tahun 2022

BIL	KATEGORI KEROSAKAN	BILANGAN
1	Perkakasan ICT	469
2	Capaian Internet	109
3	Sistem Aplikasi ICT	910
4	Virus	4
5	Capaian Wifi Hospital	61
6	Lain-lain	115
JUMLAH ADUAN		**1668**

Jadual 4.2: Bilangan Laporan Aduan Kerosakan ICT Tahun 2022

4.2 Pengurusan Aplikasi ICT

4.2.1 Pembangunan/Peningkatan Sistem Baru

- Sistem eReporting V2
- Sistem MyResQ
- Sistem SPPHM – Modul SPRP, Bed Monitor dan Pengurusan Rekod
- Sistem Pengurusan Aset HM

4.2.2 Pemantauan pelaksanaan dan penyelenggaraan:

- Sistem Pengurusan Pesakit Dalam
- Sistem Pengurusan Rekod Perubatan
- Sistem Tabung Darah
- Sistem Pengurusan Laporan Perubatan
- Sistem Maklumat Makmal (LIS – *eDelphyn*)
- Sistem Keputusan Ujian Darah – *eResult*
- Sistem Pengurusan Surat
- Sistem Maklumat Farmasi (PhIS)
- Sistem Pendaftaran Pesakit Luar Kecemasan (EMR)
- Portal Hospital
- SPPHM

4.2.3 Pemantauan pelaksanaan sistem

- Sistem myHDW
- Sistem *Malaysian DRG*
- Sistem Pengurusan Aset
- Sistem Pengurusan Insuran Warga Asing (SPIKPA)
- HRMIS/e-GL - Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia
- e-Perolehan – Sistem Perolehan Elektronik Kerajaan Malaysia
- Sistem Pengurusan Hasil
- IGFMAS
- Sistem Maklumat Makmal (LIS –*HCLAB* & *iLab*)

4.2.4 Statistik Pendaftaran ID Baru Pengguna Sistem 2022

BIL	NAMA SISTEM/APLIKASI	BILANGAN
1	Emel MyGovUC	407
2	eResult/eDelphyn/iLab	251
5	Wifi	776
6	SPPD	0
JUMLAH		**1434**

Jadual 4.3: Bilangan Laporan Aduan Kerosakan ICT Tahun 2022

4.3 Pengurusan Rangkaian dan Keselamatan ICT

PERKARA	KETERANGAN
Rangkaian Luaran MyGov*Net	100 Mbps
Rangkaian Dalaman LAN	26 *Virtual Local Area Network*
Rangkaian *Wireless* Berpusat	54 *Access Point*
Pengurusan *Antivirus* Berpusat	340 lesen
Pemasangan LAN port	28 network port baru

Jadual 4.4: Pengurusan Rangkaian dan Keselamatan ICT Tahun 2022

4.4 Pemantauan dan Penyelenggaraan Emel MyGovUC serta Bilangan Akaun emel MyGovUC yang aktif di bawah MohMelaka agensi Hospital Melaka adalah 2290 akaun pengguna.

5.0 AKTIVITI

5.1 Aktiviti Peningkatan Kualiti

5.1.1 Pelaksanaan CME/Taklimat/Kursus ICT pada tahun 2022 tidak dapat dilaksanakan kerana pelaksanaan Perintah Kawalan Pegerakan (PKP) dan hanya aktiviti dibawah sahaja dapat dilaksanakan iaitu :

BIL	KURSUS / TAKLIMAT	BIL	TARIKH
1	Taklimat dan Latihan Pengguna Sistem Pengurusan Pesakit Hospital Melaka – Modul Temujanji	2 Kali	1) 29/06/2023 2) 30/6/2023

Jadual 5.1: Pelaksanaan CME/Taklimat/Kursus ICT Tahun 2022

5.2 Pengurusan Portal Rasmi Hospital Melaka

5.2.1 Pengurusan Portal rasmi Hospital Melaka - kandungan Portal dikemaskini dari semasa ke semasa mengikut aktiviti/perkara yang dilaksanakan di Hospital Melaka dan juga makluman penting untuk umum.

5.3 Aktiviti Unit

5.3.1 Mesyuarat Unit Pengurusan Maklumat tahun 2022 telah diadakan sebanyak 2 kali untuk membincangkan isu-isu pentadbiran semasa pada tarikh berikut:

i) 7 Jan 2022
ii) 15 September 2022

5.3.2 Melaksanakan aktiviti dan gotong-royong EKSA di Unit Pengurusan Maklumat untuk memastikan persekitaran pejabat sentiasa kemas dan kondusif.

6.0 PENCAPAIAN

6.1 Perluasan sistem SPPHM

Perluasan sistem SPPHM dilaksanakan pada awal Mac 2022 di mana keseluruhan klinik pakar Hospital Melaka telah menggunakan sistem SPPHM – Modul temujanji sebagai kaedah untuk pendaftaran dan temujanji pesakit di klinik pakar. Perluasan ini juga memberi impak ada pada Jabatan Rekod Perubatan yang telah menggunakan sistem SPPHM bagi modul SPRP pada Oktober 2022.

6.2 Anugerah Khidmat Cemerlang

Ketua Unit Pengurusan Maklumat, En Masnizar bin Jamian menerima Anugerah Khidmat Cemerlang bagi penilaian tahun 2022.

UNIT KESELAMATAN

1.0 PENGENALAN

Unit Keselamatan ditempatkan di bawah direktorat Bahagian Pengurusan Hospital Melaka bertanggungjawab menguruskan perkara-perkara berikut:


1.1 Pematuhan peraturan dan arahan keselamatan yang digariskan berpandukan Akta Rahsia Rasmi, Arahan Keselamatan dan Pekeliling-Pekeliling berkaitan keselamatan yang dikeluarkan dari masa ke semasa;

1.2 Pengurusan Keselamatan Perlindungan dari aspek fizikal, dokumen, peribadi dan ICT berdasarkan Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Buku Arahan Keselamatan (pindaan dan semakan 2017);

1.3 Pengurusan dan pematauan pematuhan Syarikat Kawalan Swasta yang dilantik untuk melaksanakan perkhidmatan kawalan keselamatan dan lalulintas di Hospital Melaka; dan

1.4 Membantu pihak penguatkuasa tempatan dalam merealisasikan perundangan berkaitan keselamatan di Hospital Melaka.

Unit ini terbahagi kepada 2 sub-unit iaitu pengurusan pentadbiran dan pengurusan operasi mengikut carta :



2.0 SKOP PERKHIDMATAN

Fungsi Unit Keselamatan merangkumi:

2.1 Menjalankan inspektorat keselamatan perlindungan dilaksanakan terhadap semua jabatan/unit di Hospital Melaka berpandukan Senarai Semak Inspektorat Keselamatan Perlindungan KPKK9.

2.2 Menyediakan laporan berkaitan kejadian kehilangan/ kerosakan aset kerajaan / kejadian melibatkan ancaman keselamatan yang berlaku di Hospital Melaka disediakan merangkumi syor dan saranan penambahbaikan.

2.3 Memastikan pemeriksaan perkhidmatan kawalan keselamatan swasta dan pemeriksaan dokumen kehadiran pengawal keselamatan, perkhidmatan penghantaran barangan bernilai.

2.4 Memastikan statistik perkhidmatan kawalan keselamatan swasta di Hospital Melaka dibentangkan pada sesi mesyuarat Validasi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Swasta sebelum hari ke-tujuh pada bulan berikutnya.

2.5 Memastikan Kad Pengenalan Jabatan disediakan kepada staf Hospital Melaka dalam tempoh 3 hari bekerja setelah permohonan lengkap diterima.

2.6 Memastikan setiap pekerja kontraktor yang menjalankan kerja-kerja di Hospital Melaka dibekalkan pas keselamatan kontraktor.

2.7 Memastikan pengurusan lalulintas dan perkara yang melibatkan aliran kenderaan di dalam kawasan Hospital Melaka diberi perhatian dan diberi penambahbaikan dalam memberi kemudahan dan keselesaan kepada kakitangan dan pelanggan Hospital Melaka.

2.8 Memastikan hubungan strategik antara jabatan/agensi luar berkaitan dengan isu keselamatan diberi perhatian dan diuruskan dengan terancang.

3.0 SUMBER MANUSIA

JAWATAN/ GRED	BILANGAN	ISI	KOSONG	PERATUSAN PENGISIAN (%)
Pegawai Keselamatan Kerajaan KP41	1	1	0	100%
Penolong Pegawai Keselamatan Kanan KP32	1	1	0	100%
Pembantu Keselamatan Kerajaan Kanan KP22	1	1	0	100%
Pembantu Keselamatan Kerajaan KP19	6	6	0	100%
Pengawal Keselamatan Kerajaan KP14/11	2	2	0	100%
JUMLAH	**11**	**11**	**0**	**100%**

4.0 AKTIVITI

4.1 Berurusan dengan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Negeri Melaka dalam mendapatkan khidmat nasihat dan pandangan berkaitan keselamatan perlindungan dan pengurusan Kawasan Larangan dan Tempat Larangan.

4.2 Bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia Negeri Melaka dalam melaksanakan penguatkuasaan lalulintas, siasatan kes jenayah dan membantu keperluan pihak PDRM di Hospital Melaka.

4.3 Terlibat dalam penyediaan kertas kerja penambahbaikan infrastruktur lalulintas dan prasarana berkaitan keselamatan bagi kerja-kerja naiktaraf kemudahan di Hospital Melaka.

4.4 Membantu menyelaras permohonan jabatan/ unit untuk rekabentuk papan tanda jabatan/unit.

5.0 PENCAPAIAN

5.1 Pentadbiran

BIL.	AKTIVITI / PROJEK / KETERANGAN	PENCAPAIAN SEBENAR	TARIKH PELAKSANAAN
1.1	Menyelaras Urusetia Mesyuarat Validasi Kawalan Keselamatan Swasta	12 kali	10 Jan, 8 Februari, 10 Mac, 7 April, 19 Mei, 9 Jun, 13 Julai, 9 Ogos, 9 Sep, 10 Okt, 10 Nov, 08 Dis 2022
1.2	Menyelaras urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Perlindungan dan Lalulintas	2 kali	Dilaksanakan pada 23 Mei 2022 & 29 Ogos 2022
1.3	Mesyuarat Unit Keselamatan	12 kali	10 Jan, 9 Feb, 11 Mac, 13 April, 11 Mei, 15 Jun, 06 Julai, 12 Ogos, 08 Sept, 12 Okt, 11 Nov, 06 Dis 2022

5.2 Keselamatan Fizikal

BIL	AKTIVITI / PROJEK / KETERANGAN	PENCAPAIAN SEBENAR	TARIKH PELAKSANAAN
1.1	Melaksanakan urusan permohonan dan mengeluarkan Kad Pengenalan Jabatan kepada kakitangan Tetap / Sementara / Kontrak / PSH Hospital Melaka.	Setiap hari bekerja	1833 keping dikeluarkan sepanjang tahun
1.2	Melaksanakan tugas pemantauan dan kawalan Bilik CCTV Hospital Melaka.	Setiap hari bekerja	Setiap hari bekerja oleh anggota Unit

BIL	AKTIVITI / PROJEK / KETERANGAN	PENCAPAIAN SEBENAR	TARIKH PELAKSANAAN
Perkhidmatan Jabatan Farmasi terbahagi kepada dua iaitu Perkhidmatan Farmasi Am dan Perkhidmatan Farmasi Klinikal.

Perkhidmatan Farmasi Am

Perkhidmatan ini meliputi Unit Farmasi Klinik Pakar dan Farmasi Logistik di mana ia berfungsi untuk memberikan perkhidmatan dengan menjalankan perolehan, penyimpanan dan pembekalan ubat-ubatan, vaksin, alat pakai buang (*consumables*) dan gas perubatan untuk Hospital Melaka serta mendispens ubat-ubatan kepada pesakit-pesakit yang menerima rawatan di klinik-klinik pakar Hospital Melaka dan pesakit discaj dari wad-wad di Hospital Melaka.

Perkhidmatan Farmasi Klinikal

Perkhidmatan Farmasi Klinikal harus menyumbang ke arah kejayaan terapeutik dan rawatan yang "*cost-effective"* dan selamat. Pegawai Farmasi menggunakan pengetahuan dalam penggunaan ubat-ubat untuk pesakit dalam di wad secara proaktif dan melibatkan diri dalam rondaan farmakoterapi bersama pakar atau pegawai perubatan.

Perkhidmatan ini juga meliputi aktiviti-aktiviti pembekalan ubat-ubatan dan prabungkus seperti sediaan oral (internal), krim, salap serta losyen ke unit-unit lain seperti Farmasi Klinik Pakar, Farmasi Pesakit Dalam serta klinik-klinik kesihatan dan hospital lain dalam Negeri Melaka; perkhidmatan Farmakokinetik Klinikal; penyediaan sediaan steril seperti rekonstitusi ubat sitotoksik, larutan nutrisi parenteral, sediaan iv admikstur dan ubat titis mata; pembekalan ubat-ubatan kepada pesakit dalam dan memberikan maklumat ubat dan racun.

Secara keseluruhan, skop perkhidmatan Jabatan Farmasi Hospital Melaka meliputi:

a) Perolehan, penyimpanan dan pembekalan ubat-ubatan, vaksin, alat pakai buang (*consumables*) dan gas perubatan di Hospital Melaka.
b) Pembekalan dan penyediaan ubat-ubatan campuran, losyen, salap, krim, ubat mata, telinga dan hidung mengikut tatacara tertentu dan amalan pengilangan yang baik. (*Practices for the Preparation of Medicines Products in Healthcare Establishment; PE 010-4; 1st March 2014 dan Guides to the Development of Sterile Pharmaceutical Preparations Facilities; Pharmaceutical Services Division; March 2010*).
c) Memberi perkhidmatan pembekalan ubat-ubatan kepada pesakit luar, pesakit discaj dan pesakit dalam.
d) Memberi perkhidmatan Nilai Tambah Farmasi (VAS) bagi preskripsi susulan.
e) Memberi perkhidmatan maklumat ubat-ubatan.
f) Memberi perkhimatan kaunseling dan pemantauan pesakit di klinik pakar.
g) Memberi perkhidmatan *Medication Therapy Adherence Clinic* (MTAC).
h) Menyediakan perkhidmatan farmasi klinikal.
i) Memberi perkhidmatan Nutrisi Parenteral (TPN).
j) Memberi perkhidmatan Farmakokinetik Klinikal (TDM).
k) Memberi perkhidmatan rekonstitusi ubat sitotoksik (CDR).
l) Memberi perkhidmatan rawatan terapi gantian metadon (RTGM).

3.0 SUMBER MANUSIA

Jadual berikut menunjukkan bilangan jawatan sediada, jawatan diisi dan jawatan kosong di Jabatan Farmasi, Hospital Melaka berdasarkan data Sumber Manusia Jabatan Farmasi bagi tarikh berakhir 31 Disember 2022.

BIL.	JAWATAN	JAWATAN SEDIADA	JAWATAN DIISI	JAWATAN KOSONG
			FLEKSI	
1	Pegawai Farmasi U54	100	9	1
2	Pegawai Farmasi U52		20	
3	Pegawai Farmasi U48		31	
4	Pegawai Farmasi U44		34	
5	Pegawai Farmasi U41		5	
6	Penolong Pegawai Farmasi U40	1	1	0
7	Penolong Pegawai Farmasi U38	2	1	1
8	Penolong Pegawai Farmasi U36	2	2	0
9	Penolong Pegawai Farmasi U32	6	5	1
10	Penolong Pegawai Farmasi U29	31	29	2
11	Pen. Pegawai Tadbir N32	1	1	0
12	Pen. Pegawai Tadbir N29	2	2	0
13	Pembantu Tadbir N26	1	1	0
14	Pembantu Tadbir N22	2	2	0
15	Pembantu Tadbir N19	12	12	0
16	Pekerja Rendah Awam H14	1	1	0
17	Pekerja Rendah Awam H12/11	7	7	0
18	Pembantu Perawatan Kesihatan U14	1	0	1
19	Pembantu Perawatan Kesihatan U11	8	8	0
Jumlah		**177**	**171**	**6**

Jadual 3.1: Sumber Manusia Jabatan Farmasi Tarikh Berakhir 31 Disember 2022

4.0 BEBAN KERJA

4.1 Farmasi Klinik Pakar (Farmasi Klinik Pakar Utama dan Farmasi Satelit 5)

4.1.1 Aktiviti Pendispensan di Kaunter Farmasi Klinik Pakar

Jadual menunjukkan perbandingan bilangan preskripsi yang didispens pada tahun 2020 hingga 2022. Terdapat peningkatan sebanyak hampir 18.3% dalam bilangan preskripsi yang diterima pada tahun 2022 berbanding tahun 2021. Peningkatan jumlah preskripsi dijangka hasil daripada penamatan perintah kawalan pergerakan dan peningkatan temujanji pesakit di klinik.

BILANGAN PRESKRIPSI	2020	2021	2021
FKP Utama	252,212	267,299	295,715
FKP Satelit 5	117,372	54,747	85,405
Jumlah	**369,584**	**322,046**	**381,120**

Jadual 4.1: Bilangan Preskripsi Pesakit Luar Diterima Dari Tahun 2020 Hingga 2022

4.1.2 Perkhidmatan Nilai Tambah Farmasi (Value Added Service-VAS)

Polisi pembekalan ubat di fasiliti farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi pesakit berpenyakit kronik adalah untuk tempoh sebulan sahaja bagi menjamin kualiti ubat dan memudahkan pemantauan kepatuhan ubat serta kesan samping yang tidak diingini. Ini menimbulkan masalah di mana pesakit perlu hadir beberapa kali ke farmasi untuk mendapatkan bekalan susulan ubat. Perkhidmatan Nilai Tambah Farmasi (Value Added Service-VAS) merupakan satu perkhidmatan yang dicetus hasil daripada kreativiti dan inovasi anggota farmasi dalam meningkatkan kecapaian ubat-ubatan semasa menyampaikan perkhidmatan farmasi kepada pesakit. Perkhidmatan ini menjadi indikator yang ke-2 dalam Manual Petunjuk Prestasi Utama 2022 (KPI 2022) Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi.

Sasaran petunjuk ini bagi tahun 2022 adalah 25% preskripsi susulan harus berdaftar dalam perkhidmatan nilai tambah.

Jadual berikut menunjukkan pada tahun 2022, perkhidmatan Nilai Tambah Farmasi Hospital Melaka telah mencapai sasaran peringkat JKN. Sejumlah 89,559 pendispensan susulan secara VAS telah dilakukan daripada 88,839 preskripsi susulan bagi tahun 2022. Ini bermakna sebanyak 100.8% preskripsi susulan di Hospital Melaka telah berdaftar dalam salah satu perkhidmatan nilai tambah yang ditawarkan. Pengiraan pencapaian dijana menggunakan pengiraan jumlah sediaan preskripsi susulan yang menggunakan VAS (pengangka) dibahagikan dengan jumlah preskripsi susulan yang diterima (penyebut). Nilai pengangka ini adalah lebih tinggi daripada nilai penyebut menyebabkan sasaran melebihi 100%. Hal ini kerana data preskripsi susulan yang menggunakan perkhidmatan Sistem Pendispensan Ubat Bersepadu (SPUB) tidak dapat direkod pada fasiliti asal walaupun pelaksanaan penyediaan ubat diteruskan semasa pembekalan ubat susulan yang pertama.

VAS	2020	2021	2022
Pandu Lalu	33,365	36,559	31,959
*UMP	11,844	12,790	11,918
Locker4U	528	Ditangguhkan	Ditangguhkan
*DT-Extemp	-	352	333
Letak & Ambil Kemudian	2,842	796	624
*SPUB	44,652	48,321	44,456
*PPUSS (JKN/UTC)	365	349	269
Jumlah Preskripsi PhASVAS	101,016	99,167	89,559
Jumlah Preskripsi Susulan	120,149	82,400	88,839
% VAS	**84.07%**	**120.35%**	**100.80%**

Jadual 4.2: Pencapaian Perkhidmatan Nilai Tambah Farmasi (VAS)

Maklumat kata nama singkatan:

* UMP: Ubat melalui Pos
* DT-Extemp: *Drive Through* Tuntutan Ubat Ekstemporaneous
* SPUB: Sistem Pendispensan Ubat Bersepadu
* PPUSS: Pusat Pembekalan Ubat Susulan Setempat

4.1.3 Kaunseling Farmasi Pesakit Luar

TAHUN	2020	2021	2022
FKP & Satelit 5	8371	8290	8881
MTAC	220	346	286
Jumlah	**8591**	**8636**	**9167**

Jadual 4.3: Pencapaian Kaunseling Farmasi Pesakit Luar

Pada tahun 2022, sebanyak 9,167 kaunseling telah dijalankan di Farmasi Klinik Pakar. Jumlah ini menunjukkan kadar peningkatan sebanyak 6.15% berbanding jumlah kaunseling yang dijalankan pada tahun 2021. Sasaran tahunan yang ditetapkan ialah 8,100 setahun.

Kaunseling akan dilakukan untuk pesakit di Farmasi Klinik Pakar dan pesakit yang tidak sesuai untuk diserap dalam program MTAC.

4.1.4 Program Perkhidmatan Kualiti

4.1.4.1 Laporan QAP

TAHUN	2020	2021	2022
Bilangan Preskripsi	369,584	322,046	381,120
Bilangan Kesilapan	189	6	1
% Medication Error	**0.051%**	**0.001%**	**0.0003%**

Jadual 4.4: Pencapaian QAP Tahun 2020-2022

Laporan QAP 1 merujuk kepada peratus preskripsi yang salah diisi dan dikenalpasti sebelum didispens kepada pesakit.

4.1.4.2 Kajian Kepuasan Pelanggan

Kajian Kepuasan Pelanggan dengan menggunakan kaedah SERVQUAL telah dijalankan di Farmasi Klinik Pakar Utama dan Satelit 5 pada 19-23 Disember 2022. Sebanyak 150 borang kajian telah diedarkan kepada pelanggan di Jabatan Farmasi dan 135 borang kajian yang dapat dikumpulkan semula dengan lengkap.

Hasil kajian mendapati sebanyak 96.82% pesakit berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan berbanding tahun 2021 dengan 96.71%. Walau bagaimanapun, Jabatan Farmasi akan sentiasa menambah baik dan meningkatkan kualiti perkhidmatan dari masa ke semasa.

4.1.5 *'Medication Therapy Adherence Clinic'* (MTAC)

Pada tahun 2022, terdapat 12 MTAC yang aktif di Hospital Melaka iaitu MTAC Diabetes, Respiratori (Dewasa), Respiratori (Pediatrik), Antikoagulan, Retroviral Disease (RVD) (Dewasa), RVD (Pediatrik), Talessemia, Cardiac Rehabilitation Programme (CRP), Hepatitis, Nefrologi (CKD), Hemofilia (Dewasa) dan Geriatrik.

4.1.5.1 Bilangan Kaunseling MTAC 2022

MTAC	PRE	POST
Diabetes	23	158
Respiratori (dewasa)	17	59
Respirotori (pediatrik)	17	72
Antikoagulan	171	3261
Retroviral disease (dewasa)	43	321
Retroviral disease (Padiatrik)	0	57
Talasemia	0	60
Cardiac Rehabilitation Program	18	83
Hepatitis	112	437
Nefrologi (CKD)	59	255
Hemofilia (dewasa)	2	217
Geriatrik	47	109
Kaunseling (Belum direcruit dalam MTAC)*	286	

Jadual 4.5: Bilangan Kaunseling MTAC Untuk Tahun 2022

4.1.6 Unit Farmasi Rawatan Terapi Gantian Metadon

4.1.6.1 Bilangan Klien Rawatan Metadon

Bilangan klien Rawatan Methadone yang aktif pada tahun 2022 adalah seramai 74 orang. Klien DOT (Direct On Therapy) adalah seramai 8 orang manakala klien DBB (Dos Bawa Balik) adalah seramai 64 orang. Kebenaran untuk pengambilan ubat secara DBB hanya boleh dimulakan oleh Ketua Jabatan Psikiatri dan diteruskan oleh Pakar Perubatan Psikiatri.

Dalam kes-kes khas di mana klien tidak dapat hadir untuk mengambil ubat DBB, kebenaran akan diberikan kepada pengiring/wakil ahli keluarga terdekat untuk membawa pulang ubat bagi pihak klien. Ini juga akan ditentukan oleh Ketua Jabatan Psikiatri atau Pakar Perubatan Psikiatri selepas syarat-syarat tertentu dipenuhi.

Pada tahun 2022, terdapat seramai 110 klien SPUB rujukan daripada hospital dan klinik kesihatan di Semenanjung Malaysia. Sebanyak 1426 dos Methadone telah didispens kepada pesakit-pesakit rujukan SPUB.

4.1.6.2 Kaunseling Klien Rawatan Metadon

Bilangan kaunseling klien Rawatan Methadone yang dijalankan oleh Pegawai Farmasi sepanjang tahun 2022 adalah sebanyak 118 kaunseling individu. Kaunseling yang diberikan merangkumi orientasi klien terhadap perkhidmatan rawatan terapi gantian, pengenalan kepada methadone, permulaan rawatan, cara pengambilan, dos tertinggal, dos termuntah, kesan-kesan yang tidak diingini, interaksi ubat, terlebih dos, simptom pengunduran, dos bawa balik, penyimpanan methadone, penjagaan diri klien dan kes-kes khas. Intervensi seperti maklumat ubat, kesan sampingan,interaksi ubat-ubatan dan pengubahsuaian dos juga dilaksanakan oleh Pegawai Farmasi.

4.1.6.3 Ceramah Motivasi dan Kaunseling Berkumpulan

Pada tahun 2021, tiada ceramah motivasi (kaunseling berkumpulan) telah dianjurkan kerana kekangan Covid-19 yang melanda negara.

4.2 Unit Farmasi Logistik

4.2.1 Nilai Perolehan (RM) Yang Dikendalikan

BIL.	ITEM	JUMLAH PERUNTUKAN	JUMLAH PEROLEHAN	% PEROLEHAN
1.	Ubat	58,577,580.30	58,483,778.39	99.84
2.	Vaksin	102,441.69	102,423.70	99.98
3.	Bukan Ubat	26,098,661.20	26,094,705.84	99.98
4.	Gas Perubatan	1,461,940.10	1,461,940.10	100.00
5.	Filem X-ray	951,297.00	951,297.00	100.00
6.	Alat Perubatan Pesara	2,316,366.00	2,241,476.00	96.77
	Jumlah	**89,508,286.29**	**89,335,621.03**	**99.81**

Jadual 4.6: Nilai Perolehan Yang Dikendalikan Pada Tahun 2022

4.2.2 Nilai Stok Yang Dikendalikan

BIL.	PERKARA	NILAI (RM)
1	Nilai Stok Diterima	114,811,565.79
2	Bilangan Perkara Diterima	16,233
3	Nilai Perkara Dibekal	108,881,991.33
4	Bilangan Perkara Dibekal	27,937
5	Nilai Stok Pada Akhir 2022	5,929,574.46

Jadual 4.7: Nilai Stok Yang Dikendalikan Pada Tahun 2022

4.2.3 e-Perolehan & Sistem PhIS

Keseluruhan perolehan di Hospital Melaka menggunakan sistem e-perolehan iaitu secara pembelian atas talian. Sistem PhIS bermula pada bulan Mei 2016. Melalui PhIS, semua rekod pembelian, penerimaan, pemesanan dan pembekalan diuruskan secara atas talian.

4.2.4 Pemantauan Tarikh Luput dan Item Lambat Bergerak

Pegawai Farmasi y/m ubat terlibat dalam Mesyuarat Task Force (Pelupusan) setiap 2 bulan bagi pemantauan tarikh luput ubat/bukan ubat di Jabatan Farmasi secara keseluruhan. Edaran surat ubat/bukan ubat lambat bergerak dan hampir tarikh luput ke fasiliti-fasiliti KKM yang lain dilakukan sebanyak 6 kali di dalam tahun 2022. Untuk tahun 2022, sebanyak 8 item ubat bernilai RM64,875.70 telah dilupuskan seperti berikut:

BIL	UBAT	NILAI PELUPUSAN (RM)	JUSTIFIKASI	STOR
1	Diazepam 10mg/2ml Inj	13.56	Luput	Farmasi Pesakit Dalam
2	Artesunate 60mg Inj	825.00	Luput	
3	Interferon beta-1b	28,093.44	Luput	
4	Sea Snake Antivenom	17,400.00	Luput	
5	Physostigmine Salicy-	4,782.20	Luput	
6	Calcium Disodium Ede-	1,043.70	Luput	
7	Dimercaptosuccinic acid 200mg Capsule	1,387.80	Luput	
8	Amoxicillin Trihydrate 125mg/5ml Syrup	620.00	Luput	Farmasi Logistik
9	Erythromycin Ethylsuccinate 400mg/5ml Suspension	402.40	Luput	
10	Erythromycin Ethylsuccinate 400mg Tablet	946.20	Luput	
11	Erythromycin Ethylsuccinate 400mg Tablet	1,892.40	Luput	
12	Erythromycin Ethylsuccinate 400mg/5ml Suspension	1250.00	Luput	
13	Dextrose 20% in 500ml Injection	415.80	Luput	
14	COVID-19 mRNA Vaccine (Nucleoside Modified) Concentrate for Dispersion for Injection	5,803.20	Terdedah kepada suhu bilik selama 5jam	
JUMLAH		**64,875.70**		

Jadual 4.8: Pelupusan Ubat Tahun 2022

Untuk bukan ubat, tiada item lambat bergerak/ hampir tarikh luput namun terdapat dua item dilupuskan seperti berikut:

BIL.	BUKAN UBAT	NILAI PELUPUSAN (RM)	JUSTIFIKASI	STOR
1	Syringe with Needle, Low Dead Volume (LDV), Disposable, 1ml (Jenama: Cellotron, Batch No: 1447, T/ Luput: 31/7/2026)	504.00	Stok rosak akibat kulat	Farmasi Logistiik
2	Syringe with Needle, Low Dead Volume (LDV), Disposable, 1ml (Jenama: Shenli, Batch No: 20210830, T/Luput: 2/8/2026)	5,250.00	Stok rosak akibat kulat	
JUMLAH		**5,754.00**		

Jadual 4.9: Pelupusan Bukan Ubat Tahun 2022

4.2.5 Pemantauan Tanggungan bagi Ubat, Vaksin, Bukan Ubat (*Consumable*), Gas Perubatan dan Aset Perubatan

Pemantauan setiap Pesanan Kerajaan yang dikeluarkan dengan meneliti status setiap pesanan yang dikeluarkan bagi memastikan bekalan yang berterusan. Mesyuarat tanggungan telah diadakan sebanyak 12 kali sepanjang tahun 2022, iaitu sekali sebulan.

4.3 Farmasi Wad

Perkhidmatan Farmasi Wad di Hospital Melaka telah diperkenalkan semenjak tahun 2006. Setakat tahun 2022, perkhidmatan ini telah diperluaskan kepada para pesakit dalam yang ditempatkan di wad-wad perubatan, pembedahan, ortopedik, rawatan kesakitan, unit rawatan rapi, pediatrik serta para pesakit di Jabatan Kecemasan dan Trauma. Seiring dengan kemelut wabak Covid-19 yang melanda negara, sebahagian Pegawai Farmasi juga telah ditempatkan di wad-wad isolasi pesakit Covid-19 dan “Severe Acute Respiratory Illnesses (SARI)”. Bagi tahun 2022, unit ini mempunyai seramai 21 orang Pegawai Farmasi yang bertugas di pelbagai wad. Pada tahun 2022, terdapat seorang Pegawai Farmasi wad telah bertukar ke unit lain manakala 2 orang Pegawai Farmasi telah ditempatkan ke unit ini.

4.3.1 Rondaan Wad

Sebanyak 4,260 rondaan wad telah dijalankan oleh para Pegawai Farmasi Wad pada tahun 2022. Rondaan wad pada tahun 2022 adalah sama dengan 2021 iaitu sebanyak 4,260 sesi rondaan. Pada tahun 2022, sebanyak 46 rondaan farmakoterapi dan 24 sesi perbincangan kes farmasi wad telah dijalankan.

Jadual di bawah menunjukkan jumlah bilangan rondaan wad, rondaan farmakoterapi serta sesi perbincangan kes farmasi wad “Pharmacists Discussion” yang telah dijalankan dari tahun 2018 hingga 2022.

BIL.	AKTIVITI	2018	2019	2020	2021	2022
1	Rondaan wad (*ward rounds*) termasuk *grand rounds*	3559	4031	4452	4260	4260
2	Rondaan farmakoterapi farmasi (Pegawai Farmasi)	47	48	26	45	46
3	*Pharmacists Discussion Session*	22	24	15	24	24

Jadual 4.10: Rumusan Rondaan Wad yang Dijalankan oleh Pegawai Farmasi Wad

4.3.2 Pemantauan Pesakit

Sejarah pengubatan pesakit di wad dicatat dengan menggunakan borang CP1. Jumlah CP1 pada tahun 2022 adalah sebanyak 11,556 menunjukkan peningkatan sebanyak 14% berbanding dengan tahun 2021. Antara faktor penyumbang adalah pembukaan wad-wad perubatan yang sebelum ini adalah wad isolasi pesakit Covid-19.

Pemonitoran pesakit di wad dilakukan dengan menggunakan borang CP2. Jumlah bilangan CP2 pada tahun 2022 adalah 10,742 menunjukkan peningkatan sebanyak 11.5% berbanding dengan tahun 2021. Pembukaan wad-wad Perubatan (Medikal) menjadi faktor penyumbang di sini.


BIL.	AKTIVITI	2018	2019	2020	2021	2022
1	Bilangan CP1	11,643	12,434	12,123	10,109	11,556
2	Bilangan pesakit di 'clerk'	9,343	10,798	10,329	9,638	10,742
3	Bilangan pesakit di 'review'	30,059	36,355	40,406	33,424	34,528
4	Latihan farmasi wad bagi Pegawai Farmasi Provisional (PRP)	45 orang	34 orang	25 orang	27 orang	25 orang

Jadual 4.11: Rumusan Aktiviti Pemantauan Pesakit oleh Pegawai Farmasi Wad

Bagi tahun 2022, seramai 25 orang Pegawai Farmasi Provisional (PRP) dari Hospital Melaka dan klinik-klinik kesihatan berhampiran telah menjalani latihan sangkutan di unit ini seperti yang dijadualkan. Pada tahun 2022, dua orang Pegawai Farmasi Wad telah dilantik sebagai perseptor untuk pelajar IMU. Dua orang pelajar IMU telah menjalankan latihan sangkutan di wad perubatan dari 14.11.2022 sehingga 9.12.2022.

4.3.3 Intervensi Ubat


Rajah di bawah menunjukkan perbandingan bilangan intervensi dari tahun 2018 sehingga 2022. Jumlah intervensi telah bertambah sebanyak 13%, iaitu daripada 12,670 kepada 14,356 intervensi pada tahun 2022.



Rajah 4.1: Bilangan Intervensi Tahunan Yang Dilakukan Oleh Pegawai Farmasi Wad

4.3.4 Pengendalian Maklumat Ubat-ubatan Di Wad


Rajah di bawah menunjukkan maklumat ubat-ubatan yang dikendalikan oleh Pegawai Farmasi Wad pada tahun 2022. Dos ubat-ubatan merupakan soalan yang paling kerap ditanya oleh Pegawai Perubatan, merangkumi sebanyak 38% (608 kes) dari jumlah keseluruhan pertanyaan yang diterima. Ini diikuti oleh maklumat umum mengenai produk sebanyak 26% (411 kes) dan maklumat mengenai farmakokinetik ubatan sebanyak 212 kes (14%). Jumlah maklumat perihal ubatan yang dikendalikan pada tahun 2022 berjumlah 1,561, penurunan sebanyak 16.3% berbanding tahun 2021 yang berjumlah 1,816 kes.



Rajah 4.2: Pecahan Jenis-jenis Maklumat Ubat-ubatan Yang Dikendalikan Pegawai Farmasi Wad Pada Tahun 2022


4.3.5 Kaunseling Pesakit

Perkhidmatan kaunseling pesakit dalam turut dijalankan oleh Pegawai Farmasi Wad. Kaunseling juga turut diberikan kepada pesakit yang dikenalpasti mengalami isu komplians terhadap ubat-ubatan dan yang memerlukan penilaian teknik penggunaan peralatan perubatan seperti ubat sedut atau insulin pen. Sebanyak 6,202 kaunseling telah dijalankan oleh Pegawai Farmasi Wad pada tahun ini dengan peningkatan sebanyak 6% berbanding tahun 2021 yang berjumlah 5,867 kaunseling.



Rajah 4.3: Bilangan Kaunseling Tahunan yang Dilakukan oleh Pegawai Farmasi Wad

Borang CP4 akan diberikan kepada pesakit discaj yang memerlukan kaunseling susulan sama ada inter-fasiliti atau intra-fasiliti. Jumlah CP4 yang dibuat pada tahun 2022 adalah sebanyak 72 kes iaitu penurunan sebanyak 53% berbanding CP4 yang dikeluarkan pada tahun 2021 iaitu 154 kes.



Rajah 4.4: Bilangan CP4 Tahunan Yang Dikeluarkan Oleh Pegawai Farmasi Wad

4.3.6 Kajian Kepuasan Pelanggan

Kajian Kepuasan Pelanggan terhadap Pegawai Farmasi Wad telah dijalankan selama dua minggu daripada 3 Oktober sehingga 14 Oktober 2022 dan melibatkan seramai 210 responden. Kajian ini menggunakan modul SERVQUAL.

Secara keseluruhannya, peratusan responden yang berpuas hati adalah memberangsangkan iaitu sebanyak 99.1% responden berpuas hati dengan servis yang diberikan oleh para Pegawai Farmasi Wad.

Antara maklum balas yang diterima adalah kekurangan Pegawai Farmasi di wad-wad tertentu seperti wad ortopedik, kesibukan para Pegawai Farmasi yang perlu bertugas di tempat lain seperti MTAC atau menggantikan pegawai di wad lain yang bercuti.

Kesemua Pegawai Farmasi Wad mempunyai tanggungjawab lain selain daripada kerja hakiki di wad. Ini menyebabkan Pegawai Farmasi Wad kadang kala tidak dapat mengikut rondaan wad oleh pakar secara penuh. Sehubungan itu, terdapat cadangan untuk menambahkan bilangan Pegawai Farmasi Wad bagi meningkatkan kualiti dan keselamatan pengubatan para pesakit di wad.

4.3.7 Pemeriksaan Wad

Pemeriksaan wad dimulakan pada tahun 2016 di wad-wad yang mempunyai Pegawai Farmasi Wad sepenuh masa. Tujuan pemeriksaan wad diadakan adalah untuk memeriksa stok ubat secara rawak dan memastikan tiada ubat yang luput dan jumlah ubat tidak melebihi stok maksimum yang dibenarkan. Sasaran tahunan adalah sebanyak sekali sebulan kecuali pada bulan di mana aktiviti pemeriksaan wad telah dijadualkan oleh unit Farmasi Bekalan Wad. Pada tahun 2022, sebanyak 187 pemeriksaan wad telah dilakukan. Hasil penemuan pemeriksaan wad akan dimaklumkan kepada ketua jururawat/ jururawat bertugas supaya tindakan penambahbaikan dapat diambil oleh pihak wad.

4.4 Farmasi Pengeluaran


Farmasi Pengeluaran bertanggungjawab menyediakan sediaan ubat bukan steril dalam bentuk internal dan eksternal, ubat titis hidung dan ubat titis telinga yang tiada dalam pasaran untuk kegunaan Hospital Melaka, Hospital Jasin, Hospital Alor Gajah dan klinik kesihatan di Negeri Melaka. Semua persediaan yang dihasilkan adalah mengikut Garis Panduan Amalan Penyediaan Baik (*Good Preparation Practice)* bagi memastikan kestabilan dan keselamatan ubat tersebut.

Objektif Farmasi Pengeluaran adalah:

a) Menyediakan sediaan ubat galenikal dalam bentuk internal dan eksternal yang tiada dalam pasaran mengikut Garis Panduan Amalan Penyediaan Baik.
b) Menyediaan sediaan ubat galenikal mengikut formulasi pelbagai rujukan seperti British Pharmacopoeia Codex (BPC), British Pharmacopoeia, US Pharmacopoeia, Martindale, dan Paediatric Drug Formulations bagi menjamin keselamatan dan kestabilan ubat tersebut.
c) Melaksanakan pembungkusan semula sediaan ubat internal dan eksternal secara efisien dan selamat.
d) Membekalkan sediaan galenikal ke Hospital Melaka (Farmasi Klinik Pakar dan Farmasi Pesakit Dalam), Hospital Alor Gajah, Hospital Jasin, PKD Alor Gajah, PKD Jasin, PKD Melaka Tengah dan Klinik Pergigian Melaka Tengah.

4.4.1 Penyediaan *Oral Mixture*


Pada tahun 2022, jumlah oral mixture sebanyak 4,059.4L telah disediakan dan pembungkusan semula oral mixture adalah 9,102 unit. Perbandingan persediaan oral mixture dari tahun 2020 sehingga 2022 adalah seperti di bawah:



Rajah 4.5: Perbandingan Persediaan *Oral Mixture* Tahun 2020 hingga 2022

4.4.2 Penyediaan *Cream/ Ointment*


Pada tahun 2022, jumlah cream/ ointment sebanyak 6,386.6kg telah disediakan dan pembungkusan semula cream/ointment adalah 40,735 botol. Perbandingan antara persediaan cream/ointment dari tahun 2020 sehingga 2022 adalah seperti di bawah:



Rajah 4.6: Persediaan *Cream/Ointment* Tahun 2020 Sehingga 2022

4.4.3 Penyediaan *Lotion*


Pada tahun 2022, sebanyak 9,178.78L lotion telah disediakan, manakala pembungkusan semula lotion adalah sebanyak 8,647 unit. Perbandingan antara persediaan lotion dari tahun 2020 sehingga 2022 adalah seperti di bawah:



Rajah 4.7: Persediaan *Lotion* Tahun 2020 Sehingga 2022

4.4.4 Penyediaan Sediaan Aseptik (Ubat Titis Telinga/Hidung/ dll)


Pada tahun 2022, jumlah persediaan aseptik (ubat titis telinga/ hidung/ dll) adalah sebanyak 9,040 unit. Contoh persediaan adlah seperti titis telinga Itchammol in glycerin 10%, sodium bicarbonate 5% dan liquid paraffin steril. Penurunan ini adalah disebabkan pengiraan item alkaline nasal douche dikeluarkan bagi penyediaan sediaan aseptik. Perbandingan antara persediaan aseptik dari tahun 2020 sehingga 2022 adalah seperti di bawah:



Rajah 4.8: Persediaan Aseptik Tahun 2020 Sehingga 2022

4.4.5 Pembungkusan Ubat Garam

Pada tahun 2022, jumlah pembungkusan ubat garam seperti sodium chloride, sodium bicarbonate, sodium dihydrogen phosphate dan alkaline nasal douche yang telah diprabungkus adalah 53,903 paket. Peningkatan mendadak ini sejajar dengan peningkatan bilangan pesakit dan penukaran cara pembungkusan garam. Perbandingan jumlah prabungkus dengan tahun yang sebelumnya adalah seperti di bawah:




Rajah 4.9: Jumlah Prabungkus Tahun 2020 Sehingga 2022

4.5 Farmasi Nutrisi Parenteral (TPN)

Farmasi Nutrisi Parenteral bertanggungjawab menyediakan sediaan steril untuk nutrisi parenteral, admikstur intravena dan ubat titis mata bagi kegunaan pesakit di Hospital Melaka. Pesakit yang menerima sediaan nutrisi parenteral juga akan dijalankan pemantauan untuk memastikan pesakit menerima sediaan nutrisi parenteral yang bersesuaian untuk kesan yang optima. Semua sediaan yang dihasilkan adalah berpandukan *Manual For Sterile Preparation* 2010, Bahagian Perkhdimatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia.


4.5.1 Penyediaan Larutan Nutrisi Parenteral (TPN)

Pada tahun 2022, jumlah kes neonate / pediatrik dan dewasa yang menerima sediaan nutrisi parenteral masing-masing adalah 113 kes dan 138 kes berbanding tahun 2021 masing-masing adalah 125 kes dan 106 kes seperti di bawah:




Rajah 4.10: Perbandingan Jumlah Kes yang Menerima Sediaan Nutrisi Parenteral Bagi Tahun 2021 dan 2022

Taburan kes neonate/pediatrik dan dewasa mengikut bulan pada 2022 adalah seperti di bawah:




Rajah 4.11: Taburan Bulanan Kes yang Menerima Sediaan Nutrisi Parenteral Tahun 2022

Secara amnya, terdapat dua jenis sediaan nutrisi parenteral yang disediakan iaitu beg 2 in 1 (larutan lipid diasingkan) dan beg 3 in 1 (larutan lipid dicampur bersama). Pada tahun 2022, sebanyak 1201 beg 2 in 1 dan 1350 larutan lipid untuk kegunaan kes neonate / pediatrik,dan 1315 beg bagi 3 in 1 seperti di bawah:



Rajah 4.12: Perbandingan Jumlah Sediaan Nutrisi Parenteral yang Disediakan Bagi Tahun 2021 dan 2022


Taburan sediaan yang disediakan setiap bulan bagi tahun 2022 adalah seperti di bawah:



Rajah 4.13: Taburan Bulanan Sediaan Nutrisi Parenteral yang Disediakan Tahun 2022


Untuk pesakit neonate, sediaan standard iaitu PN A dan PN B akan disediakan untuk kegunaan di wad SCN dan NICU. PN A adalah sediaan nutrisi parenteral standard permulaan bagi neonate yang mempunyai indikasi untuk memulakan nutrisi parenteral. Manakala PN B adalah sediaan berterusan untuk mengoptimumkan nutrien bagi neonate/pediatrik mengikut bilangan cecair harian.

Pada tahun 2022, sebanyak 185 beg PN A dan 460 beg PN B telah disediakan seperti di bawah:




Rajah 4.14: Perbandingan Persediaan Standard PN Bagi Tahun 2021 dan 2022

Taburan persediaan standard PN dan lipid mengikut bulan bagi tahun 2022 masing-masing adalah seperti di bawah:




Rajah 4.15: Taburan Bulanan Persediaan Standard PN Tahun 2022




Rajah 4.16: Taburan Bulanan Larutan Lipid bagi Tahun 2022

Patient Controlled Analgesic (PCA) Morphine, PCA Fentanyl dan Bupivacaine/ Fentanyl Epidural merupakan 3 jenis persediaan admixtur intravena yang paling kerap disediakan oleh unit farmasi nutrisi parenteral. Persediaan miscellaneous merangkumi heparin saline, alprostadil dan biologics. Terdapat peningkatan penyediaan PCA pada tahun 2022 berbanding tahun 2021 iaitu masing-masing adalah 3,100 dan 3,869 seperti di bawah:




Rajah 4.17: Perbandingan Persediaan Admixtur Intravena
Bagi Tahun 2021 dan 2022

Taburan bulanan sediaan admixtur intravena bagi tahun 2021 dan 2022 adalah seperti di bawah:




Rajah 4.18: Taburan Bulanan Persediaan Admixtur Intravena Tahun 2022

Bagi tahun 2022, terdapat 8 jenis persediaan ubat titis mata yang disediakan sejumlah 7,419 botol. Persediaan yang tertinggi adalah Sodium Chloride 3% eye drops, Ceftazidime 5% eye drops dan Amphotericin B 0.15% eye drops seperti di bawah:



Rajah 4.19: Perbandingan Persediaan Ubat Titis Mata bagi Tahun 2021 dan 2022

Taburan persediaan bagi tahun 2021 mengikut bulan adalah seperti di bawah:




Rajah 4.20: Taburan Persediaan Ubat Titis Mata Tahun 2022

4.6 Farmasi Onkologi (CDR)

4.6.1 Rekonstitusi Ubat Sitotoksik

Pada tahun 2022, sebanyak 9,957 sediaan telah disediakan dan dibekalkan kepada 642 kes sama ada di wad atau di Pusat Rawatan Harian. Perbandingan bilangan sediaan dan bilangan pesakit dari tahun 2018 hingga tahun 2022 ada lah seperti di bawah:



Rajah 4.21: Perbandingan Bilangan Sediaan Ubat Sitotoksik dan Bilangan Pesakit dari Tahun 2016 sehingga 2022

Taburan bilangan kes perlukan sediaan sitotoksik mengikut diagnosis bagi tahun 2022 adalah seperti di bawah:

BIL.	JENIS KES	BILANGAN KES
1	Acute lymphoblastic leukemia	9
2	Acute myeloid leukemia	16
3	Breast cancer	185
4	Cervical cancer	22
5	Chronic Myeloid Leukemia	1
6	CMV infection	11
7	Colon cancer	42
8	Gastric cancer	1
9	Gestational trophoblastic disease	2
10	Head and neck cancer	1
11	Hodgkin Lymphoma	20
12	Lung cancer	15
13	Multiple myeloma	12

BIL.	JENIS KES	BILANGAN KES
14	Nasopharyngeal cancer	16
15	Non-Hodgkin lyphoma	51
16	Ovarian cancer	50
17	Periampullary carcinoma	0
18	Pleural effusion	5
19	Rectal cancer	51
20	SLE & Autoimmune Dx	30
21	Urogenital cancer	2
22	Uterine/endometrium cancer	30
23	Others	70
	JUMLAH	**642**

Jadual 4.12: Bilangan Kes Perlukan Sediaan Sitotoksik Mengikut Diagnosis Tahun 2022

4.6.2 Kaunseling Pre-Kemoterapi


Selain penyediaan ubat sitotoksik, Unit Farmasi Onkologi juga menjalankan perkhidmatan kaunseling untuk pesakit kanser yang baru menerima rawatan kemoterapi di Hospital Melaka. Melalui perkhidmatan ini, pesakit akan diberi kaunseling mengenai rawatan kemoterapi dan kesan-kesan sampingan yang mungkin dialami serta langkah-langkah pencegahan dan cara mengatasi yang bersesuaian. Komplian pesakit juga dititikberatkan sewaktu sesi kaunseling diberikan. Jumlah kaunseling pre-kemoterapi yang dibuat pada tahun 2022 adalah 240 kes manakala pada tahun 2021 adalah sebanyak 353 kes. Terdapat penurunan bagi jumlah kaunseling disebabkan oleh semua kes onkologi pesakit pembedahan dan hematologi yang memerlukan rawatan kemoterapi di wad telah dipindah ke hospital kluster iaitu Hospital Alor Gajah bermula Ogos 2021. Pesakit -pesakit tersebut akan dikaunsel oleh Pegawai Farmasi dari Hospital Alor Gajah.

4.7 Farmasi Farmakokinetik Klinikal/ *Therapeutic Drug Monitoring* (TDM)

4.7.1 Analisa Sampel

Farmakokinetik Klinikal telah beroperasi secara laboratoy-based bermula Julai 2017. Semua sampel adalah dianalisa oleh Unit Biokimia, Jabatan Patologi dengan menggunakan mesin Atellica Siemens.

Jumlah sampel yang telah dianalisa untuk tahun 2022 adalah sebanyak 5,064 sampel, bersamaan dengan penambahan sebanyak 17.2% berbanding dengan 4,320 sampel yang dianalisa pada tahun 2021 (rujuk Rajah di bawah).



Rajah 4.22: Perbandingan Jumlah Sampel Yang Diterima Dari Tahun 2018 hingga 2022


Assay yang paling banyak dianalisa adalah Vancomycin (2,122 sampel, 41.9%) manakala assay yang paling sedikit dianalisa adalah Theophylline (10 sampel, 0.002%) (rujuk Jadual di bawah).

Pada bulan Ogos, pihak Makmal Biokimia mengalami gangguan bekalan reagent Sodium Valproate, Carbamazepine dan Phenobarbitone daripada pembekal syarikat Siemens. Sampel untuk Carbamazepine dan Phenobarbitone perlu outsource ke Hospital Kuala Lumpur manakala sampel Sodium Valproate perlu outsource ke Mahkota Medical Centre, Melaka. Walaubagaimanapun, pembekalan reagent untuk Sodium Valpraote dan Phenobarbitone telah pulih pada bulan November 2022. Sampel yang perlu outsource setakat ini adalah Carbamazapine sahaja.

BIL	JENIS *ASSAY*	2018	2019	2020	2021	2022
1	Vancomycin	2189	2170	1601	1826	2122
2	Amikacin	505	440	337	345	471
3	Gentamicin	267	166	135	112	112
4	Sodium valproate	947	760	711	673	747
5	Phenytoin	399	343	334	277	340
6	Carbamazepine	189	117	163	162	135
7	Phenobarbitone	43	46	71	104	29
8	Digoxin	144	86	58	102	206
9	Theophylline	37	17	18	6	10
10	Acetaminophen	253	421	476	395	457
11	Salicylate	88	269	297	265	301
12	Methotrexate	82	59	68	53	134
Jumlah		**5137**	**4894**	**4269**	**4320**	**5064**

Jadual 4.13: Perbandingan Jumlah Sampel Yang Dianalisa Mengikut Jenis *Assay* Bagi Tahun 2018 hingga 2022

Indikasi analisa sampel merangkumi pemonitoran terapeutik, kes toksisiti, poor response dan non-compliance. Bagi tahun 2022, kebanyakan sampel yang dihantar adalah untuk tujuan permonitoran terapeutik (4,428 sampel, 87.4%), diikuti oleh kes-kes toksisiti (631 sampel, 12.5%), non-compliance (5 sampel) dan poor response (0 sampel).



Rajah 4.23: Peratusan Sampel Yang Dianalisa Mengikut Indikasi Bagi Tahun 2022

Bagi kes toksik, sebanyak 632 sampel telah dianalisa. Terdapat 18 orang pesakit telah disahkan toksik. Kes-kes tosik ini merangkumi keracunan daripada paracetamol, salicylate, digoxin, sodium valproate atau phenytoin. Semua kes toksik telah dilaporkan kepada pegawai perubatan dalam tempoh satu jam selepas keputusan rasmi dikeluarkan oleh pihak makmal. Terdapat satu kes toksik dilaporkan lebih daripada satu jam pada bulan Januari 2022. Kes ini berlaku selepas waktu pejabat disebabkan pegawai perubatan tidak memaklumkan kepada pegawai farmasi bahawa sampel paracetamol dan salicylate akan dihantar serta tidak menggunakan Borang TDM Kes Toksik.

4.7.2 Pengiraan Parameter Farmakokinetik dan Pengubahsuaian Dos


Pengiraan berdasarkan paras serum dilakukan untuk tujuan syor terapi ubat. Ini merangkumi parameter farmakokinetik seperti Ke (rate of elimination), t½ (masa separuh hayat), Vd (volume of distribution), Cl (clearance), CrCl (creatinine clearance), Cmin (minimum concentration) dan Cmax (maximum concentration). Parameter ini akan digunakan untuk pengubahsuaian dos sekiranya perlu.

Syor terapi ubat dilakukan dengan mengambil kira paras serum yang diperolehi, parameter farmakokinetik serta keadaan klinikal semasa pesakit. Rekomendasi yang diberikan meliputi penambahan atau pengurangan dos, perubahan frekuensi ubat, pemberhentian sementara (withhold), pengekalan regimen sama atau pemberhentian penggunaan sesuatu ubat. Sekiranya berkenaan, saranan untuk mengulang semula pensampelan juga akan dilakukan dalam mengoptimakan terapi pesakit dan mengelakkan kemungkinan berlakunya paras serum melebihi julat normal yang mungkin memudaratkan pesakit.

4.7.3 Sampel Selepas Waktu Pejabat

Semua sampel yang dihantar semasa waktu bekerja akan dilakukan rekomendasi. Bagi sampel yang dihantar selepas waktu bekerja, hanya kes-kes dari wad kritikal (ICU, CCU, SCN/NICU, PICU dan wad Acute Internal Medicine), kes toksisiti (termasuk kes untuk permonitoran Methotrexate post-48 hours/ post-72 hours), kes yang memerlukan cadangan loading dose, pesakit yang telah diberi loading dose (post-loading) serta kes-kes yang melibatkan pesakit ESRD, yang akan diberi keutamaan. Bagi sampel yang tidak memenuhi kriteria, rekomendasi akan dilakukan pada keesokan hari.

Pada tahun 2022, sebanyak 1,700 (33.6%) sampel telah diterima selepas waktu pejabat. Kes-kes toksik yang diterima selepas waktu pejabat berjumlah 418 sampel (sebanyak 66.1% kes toksik adalah diterima selepas waktu pejabat, jumlah kes toksik yang diterima pada tahun 2022 adalah 632 sampel).



Rajah 4.24: Bilangan Sampel yang Dianalisa Selepas Waktu Pejabat dari Tahun 2018 hingga 2022

4.7.4 Pemantauan Pesakit


Pemantauan pesakit dilakukan ke atas semua pesakit di wad yang telah menghantar analisa paras serum. Ini membolehkan pemonitoran perkembangan klinikal pesakit dan memastikan sampel ulangan (sekiranya perlu) dihantar mengikut masa pensampelan yang betul. Jumlah pesakit yang dipantau pada tahun 2022 ialah 613 orang pesakit.

4.8 Farmasi Bekalan Wad

4.8.1 Bilangan Preskripsi/ Inden

Sepanjang tahun 2022, sebanyak 625,561 preskripsi dan 1,968,974 item telah dibekalkan secara sistem unit dos. Peningkatan sebanyak 18.3% bilangan preskripsi dan 18.2% item berbanding tahun 2021.


Daripada jumlah preskripsi yang diterima, sebanyak 21.4% (110,208) preskripsi diterima selepas waktu pejabat. Pembekalan floor stock (FS) pula menunjukkan penurunan sebanyak 11.9% bilangan inden dan 0.9% bilangan item. Pencapaian ini adalah sejajar dengan objektif Pembekalan Pesakit Dalam yang lebih menumpukan pembekalan secara unit dos.



Rajah 4.25: Pembekalan Secara Unit Dos Dan Floor Stock Tahun 2020 -2022

4.8.2 Pemeriksaan Wad

Pemeriksaan wad merupakan aktiviti yang dilakukan bagi memastikan bekalan ubat di wad/unit tersebut mencukupi, bersesuaian dengan keperluan masing-masing, penyimpanan dan perekodan dengan betul, khususnya untuk ubat dadah berbahaya & psikotropik dan ubat dalam senarai after office hours.



Rajah 4.26: Keputusan Pemeriksaan Wad Dari Tahun 2019 Hingga 2021

Rajah diatas menunjukkan pencapaian pemeriksaan wad/unit untuk tahun 2022, pemeriksaan dijalankan sebanyak 3 sesi iaitu pada bulan Mac (74 wad/unit), Julai (72 wad/kilinik) dan November hingga Disember (73 wad/klinik). Perbezaan bilangan wad/unit pada setiap sesi adalah disebabkan terdapat pembukaan dan penutupan wad sepanjang 2022 ekoran daripada kemasukan pesakit Covid-19 di Hospital Melaka. Secara keseluruhannya, pada tahun 2022, peratusan wad yang mendapat Gred A dan B adalah meningkat kepada 100% pada sesi 3 pemeriksaan wad berbanding sesi 1 dan 2.


GRED	2020	2021	2022
GRED A (90-100%)	162	100	189
GRED B (80-89%)	38	24	27
GRED C (70-79%)	1	2	2
GRED D (60-69%)	2	0	1
GRED E (<59%)	0	0	0
Jumlah	**203**	**126**	**219**

Jadual 4.14: Perbandingan Keputusan Pemeriksaaan Wad Tahun 2020 – 2022

Di atas adalah jadual perbandingan hasil pemeriksaan wad bagi tahun 2020 hingga 2022. Peratusan bilangan wad/unit yang memperoleh Gred markah A dan B adalah melebihi 98% daripada jumlah wad yang diperiksa bagi tiga tahun berturut-turut.

4.8.3 Pendispensan Discaj Pesakit Dalam (*Bedside Dispensing*)

Perkhidmatan ini telah dimulakan pada Mac 2007 bertujuan untuk memudahkan pesakit-pesakit yang discaj dari wad untuk mendapat bekalan ubat sekaligus menerima perkhidmatan kaunseling daripada Pegawai Farmasi. Ini juga bertujuan untuk mengurangkan masa menunggu pesakit di Farmasi Klinik Pakar.




Rajah 4.27: Bilangan Pesakit Direkruit Bagi Aktiviti Pendispensan Discaj Pada Tahun 2020-2022

Jumlah pendispensan discaj pesakit dalam (Bedside Dispensing) yang dicapai pada tahun 2020 hingga 2022 adalah seperti rajah di atas. Penurunan sebanyak 15% ini disebabkan kelewatan penghantaran preskripsi discaj ke Jabatan Farmasi selain peningkatan kemasukan pesakit Covid-19 yang dikecualikan daripada perkhidmatan pendispensan discaj.

Langkah penambahbaikan dalam meningkatan perkhidmatan pendispensan discaj akan dilaksanakan dengan menyampaikan maklumat kepada pihak wad semasa mesyuarat bersama wad dan pembentangan slaid orientasi bagi staf baru di Hospital Melaka.

4.8.4 Kaunseling Pesakit

Khidmat kaunseling untuk pesakit dalam wad dirujuk ke farmasi oleh Pegawai Perubatan melalui borang kaunseling dan Pegawai Farmasi Wad semasa rondaan wad atau penyaringan preskripsi. Kaunseling ini bertujuan memastikan penggunaan ubat yang betul di samping meningkatkan komplian pesakit terhadap ubat-ubatan. Sesi kaunseling yang dijalankan adalah secara individu sama ada melalui bedside counseling dan discharged counseling. Jenis kaunseling pula terdiri daripada kaunseling inhaler, terapi warfarin, menggunakan alat-alatan khas seperti aerochamber, pen insulin atau masalah komplian.




Rajah 4.28: Aktiviti Kaunseling Pesakit Dalam Tahun 2020 - 2022

Merujuk rajah di atas, terdapat peningkatan sebanyak 5.9% bagi bilangan kaunseling yang dijalankan pada tahun 2022 berbanding tahun sebelumnya dan 2.9% melebihi sasaran (12,000) yang telah ditetapkan.

4.8.5 Pelaksanan *Patient Own Medications* (POMs) di Wad Perubatan


Rajah di bawah adalah graf pencapaian perkhidmatan POMS bagi tahun 2020 - 2022. Pada tahun 2022, perkhidmatan ini telah diperluaskan ke wad pembedahan selain mengekalkannya di wad perubatan. Sebanyak 8 wad telah menjalankan POMS dan menunjukkan peningkatan bilangan pesakit yang direkrut lebih 3 kali ganda berbanding tahun 2021.

Walaubagaimanapun, pencapaian diharapkan akan terus meningkat pada tahun sterusnya memandangkan terdapat peralihan kepada fasa endemik Covid-19.



Rajah 4.29: Bilangan Pesakit Yang Direkrut Bagi Aktiviti POMS Tahun 2020 - 2022

4.8.6 Kajian Kepuasan Pelanggan



	Sangat Baik	Baik	Sederhana
Bil 1 2021	23.8	52.4	23.8
Bil 2 2021	13	65	13
Bil 1 2022	34.1	60.6	5.3
Bil 2 2022	19	75	6

Rajah 4.30: Kajian Kepuasan Pelanggan Perkhidmatan Farmasi Pesakit Dalam Tahun 2021 - 2022

Kajian kepuasan pelanggan dijalankan sebanyak dua kali setahun ke atas semua wad dan unit yang menggunakan perkhidmatan Farmasi Pesakit Dalam. Secara keseluruhan tahap kepuasan pelanggan bagi perkhidmatan Farmasi Pesakit Dalam bagi tahun 2021 hingga 2022 adalah pada tahap baik.

4.8.7 Penambahbaikan Perkhidmatan Farmasi Pesakit Dalam

Pada tahun 2022, terdapat beberapa penambahbaikan perkhidmatan yang telah dijalankan. Antara aktivit-aktiviti dan pengemaskinian yang dijalankan bagi tahun 2022 adalah seperti berikut:

i. Penyeragaman pembekalan ubat unit dos mengikut masa penerimaan preskripsi dengan objektif pemulangan ubat pesakit dapat dikurangkan.
ii. Mewujudkan fail preskripsi mengikut katil pesakit bagi menggantikan praktis penggunaan stapler bagi preskripsi-preskripsi pesakit yang menyukar dan melambatkan penyaringan preskripsi oleh pihak farmasi.
iii. Pengemaskinian borang Inden bagi pembekalan disinfektan yang dilengkapi dengan senarai disinfektan wad dan kuantiti yang diluluskan.
iv. Pengemaskinian senarai pelabelan High Alert Medication (HAM) dengan menyeragamkan cara dan tanggungjawab pelabelan HAM di samping mengurangkan bebanan kerja.
v. Penggunaan sampul ubat plastik berwarna biru bagi pembekalan ubat-ubatan rangkaian sejuk. Ini memudahkan pihak wad mengenalpasti item-item peti sejuk dan mengelakkan pemulangan ubat tanpa bekas sejuk sekaligus mengurangkan pembaziran sekiranya berlaku break coldchain.

4.9 Pusat Informasi & Sumber Farmasi (PRIC)

4.9.1 Pertanyaan Mengenai Ubat dan Racun

Antara fungsi utama PRIC adalah menjawab segala pertanyaan mengenai ubat dan racun yang diterima daripada pelbagai kategori anggota kesihatan dan orang awam. Semua pertanyaan yang diterima akan dijawab secara lisan atau bertulis. Sumber maklumat yang digunakan untuk menjawab pertanyaan adalah daripada *Micromedex*, *MIMS Gateway*, sisip bungkus produk (*Produk Insert*), buku rujukan (*Drug Information Handbook*, *British National Formulary* dan lain-lain), jurnal dan lain-lain.

Jenis dan bilangan pertanyaan yang diterima oleh PRIC pada tahun 2020 dan perbandingan dengan pencapaian tahun 2020-2022 adalah seperti berikut.

BIL.	JENIS PERTANYAAN	2020	2021	2022
1	Keracunan/Ketoksikan	24	20	6
2	Dos/Administrasi	1263	1017	1428
3	Kesan Samping	162	122	108
4	Indikasi	43	55	35
5	Interaksi	66	79	100
6	Kontraindikasi	31	27	43
7	Farmakokinetik	114	275	231
8	TPN	13	2	2
9	*Pharmaceutical Availability*	219	304	331
10	*Pharmaceutical Compatibility*	47	46	70
11	*Pharmaceutical Identification*	30	15	8
12	Maklumat Am Produk	528	705	812
13	Lain-lain	524	53	268
	Jumlah	**3064**	**2720**	**3442**

Jadual 4.15: Bilangan Pertanyaan Yang Diterima Dari Tahun 2020 hingga 2022

4.9.2 Program Pembelajaran Berterusan untuk Anggota Farmasi

Sesi Pembelajaran Berterusan Farmasi (CPE) diadakan setiap minggu iaitu pada hari Rabu dan Khamis. Sesi ini diwujudkan bagi memastikan semua anggota Farmasi daripada pelbagai kategori sentiasa meningkatkan diri dengan pengetahuan-pengetahuan terkini.

TAHUN	BILANGAN SESI CPE	BILANGAN PESERTA YANG HADIR
2020	105	1917
2021	98	2932
2022	83	2820

Jadual 4.16: Bilangan Sesi CPE Yang Dianjurkan Dari Tahun 2020 hingga 2022

4.9.3 Program Pendidikan Pesakit

Kelas Pendidikan Pesakit Diabetes dan Hipertensi serta Kelas Pendidikan Pesakit Diabetes Dalam Kalangan Ibu Mengandung (Kelas Antenatal) adalah program pendidikan pesakit yang dianjurkan oleh Unit Pendidikan Pesakit di mana pegawai farmasi dijemput sebagai penceramah.

Selain itu, Pameran Kenali Ubat Anda (KUA) juga dijalankan oleh PRIC untuk memberi pendidikan kesihatan kepada orang awam. Pecahan untuk jenis kelas, bilangan sesi, jumlah kehadiran pesakit bagi tahun 2022 adalah seperti berikut.

BIL.	KELAS	BIL. KELAS/SESI DILAKSANAKAN	JUMLAH PESAKIT
1	Diabetes & Hipertensi	30	123
2	Kelas Antenatal	7	50
3	Kenali Ubat Anda	8	203
Jumlah		**45**	**376**

Jadual 4.17: Rumusan Program Pendidikan Pesakit Tahun 2022

4.9.4 Penghasilan *Pharmacy Newsletter*

Sebanyak satu keluaran *Pharmacy Newsletter* telah diterbitkan untuk tahun 2022. Tujuan *Pharmacy Newsletter* adalah untuk memberi informasi terkini kepada semua anggota Jabatan Farmasi. Ini secara tidak langsung dapat memastikan sesi pembelajaran adalah secara berterusan dan meningkatkan kualiti rawatan pesakit serta pengubatan secara *evidence-based*.

4.9.5 Laporan Kesan Advers Ubat (ADR)

Sebanyak 300 kes ADR telah dilaporkan ke Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) sepanjang tahun 2022 berbanding 363 kes yang dilaporkan pada tahun 2021. Laporan Kesan Advers Ubat ini juga telah dibentangkan sebanyak empat kali dalam Mesyuarat Jawatankuasa Ubat & Terapeutik (JKUT) Hospital Melaka pada tahun 2022. Sebanyak 184 keping Kad Alahan Ubat telah dikeluarkan dan diberikan kepada pesakit yang mengalami alahan ubat pada tahun 2022.

5.0 AKTIVITI

5.1 Kursus/Bengkel Yang Dianjurkan Oleh Jabatan Farmasi

Sepanjang tahun 2022, sebanyak 9 kursus/ bengkel telah dirancangkan oleh Jabatan Farmasi, Hospital Melaka dan kesemuanya berjaya dianjurkan. Berikut adalah senarai kursus/ bengkel yang telah dianjurkan oleh jabatan ini pada tahun 2022.

BIL	NAMA KURSUS/BENGKEL	TEMPAT	TARIKH
1	Bengkel Pemurnian Formulari Hospital Melaka 2021/2022	Hospital Melaka	1 Jan 2022
2	Kursus Farmakoterapi 2022: Gastroenterology/Hepatology	Atas Talian (Googlemeet)	26 Mac 2022
3	Bengkel Kaunseling PRP Bil. 1/2022	Hospital Melaka	29 Mac 2022
4	Kursus Antibiotic Updates Webinar 2022	Atas Talian (Googlemeet)	11 Jun 2022
5	Kursus Penggunaan Ubat Secara Berkualiti untuk Anggota Kesihatan (QUMC)	Hospital Melaka	15 Jun 2022
6	Bengkel Tatacara Pengurusan Stor dan Pemeriksaan Substor Bukan Ubat	Hospital Melaka	20 Julai 2022
7	2nd Melaka Pharmacy Conference	Swiss Garden Hotel	23 & 24 Julai 2022
8	Kursus Keselamatan Pengubatan Hospital Melaka 2022	Hospital Melaka	21 Sep 2022
9	Bengkel Pelan Tindakan 2022	Bayou Lagoon Park Resort	3 Dis 2022

Jadual 5.1: Kursus/ Bengkel Yang Dianjurkan Oleh Jabatan Farmasi Pada Tahun 2022

6.0 PENCAPAIAN

6.1 Penglibatan Dalam Pertandingan Aktiviti Kualiti/ Aktiviti Sosial

Pada tahun 2022, Jabatan Farmasi telah menyertai beberapa pertandingan untuk aktiviti kualiti dan aktiviti sosial. Jadual di bawah adalah pertandingan dan pencapaian oleh Jabatan Farmasi sepanjang 2022.

BIL	PERTANDINGAN	PENCAPAIAN	ANJURAN	PERINGKAT
1	Mini Konvensyen Quality Assurance Jabatan Kesihatan Negeri Melaka Tahun 2022	Tempat Pertama	Jabatan Kesihatan Negeri Melaka	Negeri
2	Hari Inovasi & Kualiti Jabatan Kesihatan Negeri Melaka 2022 (Pertandingan Kumpulan Inovatif & Kreatif	Tempat Ketiga	Jabatan Kesihatan Negeri Melaka	Negeri
3	Kejohanan Futsal Tertutup Hospital Melaka 2022 (Kategori Lelaki)	Tempat Pertama	Kelab Perubatan Hospital Melaka	Hospital

Jadual 6.1: Penglibatan Dalam Pertandingan Aktiviti Kualiti/ Aktiviti Sosial Tahun 2022

6.2 Anugerah

Pada tahun 2022, Jabatan Farmasi telah memenangi dua anugerah seperti di bawah:

BIL	ANUGERAH	PENCAPAIAN	ANJURAN	PERINGKAT
1	Anugerah Amalan Farmasi Terbaik di Fasiliti KKM (Peringkat Hospital)	Tempat Kedua	Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi KKM	Kebangsaan
2	Anugerah Amalan Keselamatan Pengubatan Peringkat Farmasi Negeri Melaka 2022 (Kategori Hospital)	Tempat Pertama	Bahagian Perkhidmatan Farmasi Negeri Melaka	Negeri

Jadual 6.2: Anugerah Jabatan Farmasi Tahun 2022

JABATAN DIETETIK DAN SAJIAN

1.0 PENGENALAN

Jabatan Dietetik & Sajian bertanggungjawab sepenuhnya menyediakan perkhidmatan makanan kepada pesakit di wad, doktor bertugas atas pang gilan serta anggota paramedik yang layak di Hospital Melaka. Sistem pengagihan makanan kepada pesakit adalah menggunakan sistem pengagihan makanan secara berpusat *(centralised plating)* melalui *tray menu mobile*. Walau bagaimanapun disebabkan kapasiti tenaga sumber manusia dan prasarana sediada sistem ini dapat dijalankan di sebahagian besar wad sahaja serta terhad untuk hidangan makan tengahari dan makan malam sahaja. Jabatan ini juga menjalankan perkhidmatan dietetik klinikal kepada pesakit dalam wad dan pesakit luar yang dirujuk oleh Pakar/Pegawai Perubatan. Rundingcara pemakanan juga diadakan secara individu atau berkumpulan.

2.0 SKOP PERKHIDMATAN

2.1 Memastikan perkhidmatan makanan pesakit dan perkhidmatan dietetik klinikal dilaksanakan secara profesional, berkualiti dengan mengutamakan pelanggan

2.2 Membekalkan diet normal dan diet terapeutik secara Centralised Plating System mengikut pesanan wad bagi pesakit di wad

2.3 Membekalkan diet kepada doktor bertugas atas panggilan

2.4 Memberi perkhidmatan dietetik kepada pesakit yang dirujuk mengikut diagnosa dan masa yang ditetapkan

2.5 Mengadakan ceramah pemakanan kepada anggota paramedik dan agensi-agensi lain mengikut permintaan

2.6 Mengurus program latihan Katering dan Dietetik untuk pelatih dari Institusi Pengajian Tinggi apabila perlu

2.7 Menggalakkan penglibatan kajian dan penyelidikan katering dan dietetik klinikal / dietetik komuniti mengikut keperluan demi meningkatkan mutu perkhidmatan

3.0 SUMBER MANUSIA

JAWATAN/ GRED	BILANGAN	ISI	KOSONG	PERATUSAN PENGISIAN
Pegawai Dietetik, Gred U52	1	1	0	100%
Pegawai Dietetik, Gred U48	1	1	0	100%
Pegawai Dietetik, Gred U44	2	1	1	50%
Pegawai Dietetik, Gred U41/44	1	1	0	100%
Pegawai Dietetik, Gred U41	3	3	0	100%
Pegawai Penyediaan Makanan, Gred C44	1	1	0	100%
Penolong Pegawai Penyediaan Makanan, Gred C38	1	1	0	100%
Penolong Pegawai Penyediaan Makanan, Gred C32	2	1	1	50%
Penolong Pegawai Penyediaan Makanan, Gred C29/C32	3	3	0	100%
Penolong Pegawai Penyediaan Makanan, Gred C29 (KUP)	15	13	2	87%
Pembantu Penyediaan Makanan, Gred N22	1	1	0	100%
Pembantu Penyediaan Makanan, Gred N19/N22	40	40	0	100%
Pembantu Penyediaan Makanan, Gred N1/N4	1	1	0	100%
Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi), Gred N19/N22	2	1	1	50%
JUMLAH	**73**	**69**	**5**	**95%**


Jadual 3.1: Maklumat Perjawatan Jabatan Dietetik dan Sajian 2022

4.0 BEBAN KERJA

4.1 Sajian

i. Penyediaan Makanan Kepada Pesakit

Jumlah penyediaan makanan pesakit pada tahun 2022 ialah sebanyak 26064 hidangan (pesakit kelas 1), 18402 hidangan (pesakit kelas 2) dan 321336 hidangan (pesakit kelas 3). Terdapat peningkatan bagi jumlah penyediaan makanan iaitu sebanyak 1% untuk semua kelas pesakit berbanding pada tahun 2021.




	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Kelas 1	25,162	26454	25885	27565	24536	26064
Kelas 2	18426	18439	19950	19548	18161	18402
Kelas 3	312077	297976	299011	298997	315245	321336

Rajah 4.1: Bilangan jumlah penyediaan makanan pesakit mengikut kelas bagi tahun 2017 – 2022

ii. Penyediaan Makanan Kepada Doktor On-Call, Doktor Dewan Bedah dan Paramedik, Daycare dan Hemodialisis

Jumlah penyediaan makanan pada tahun 2022 ialah sebanyak 42992 (Doktor bertugas atas panggilan), 24457 (Doktor dan Paramedik Dewan Bedah), 6933 (Daycare) dan 6852 (hemodialisis). Didapati berlaku peningkatan penyediaan makanan purata sebanyak 1% pada tahun 2022 berbanding tahun sebelumnya.




	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Dr Bertugas Atas Panggilan	41,000	35418	35522	36529	39143	42997
Dr OT & Paramedik	24465	24226	25000	25337	25551	24457
Day care	6704	6510	6828	6621	6547	6933
HDU	6854	6995	6937	6896	6755	6852

Rajah 4.2: Bilangan jumlah penyediaan makanan Doktor On-call, Doktor Dewan Bedah dan Paramedik, Day care dan Hemodialisis bagi tahun 2017 – 2022

iii. Kos Penyediaan Makanan Pesakit Mengikut Kategori

Jumlah kos makanan ialah RM197,156.57 (pesakit kelas 1), RM139,140.42 (pesakit kelas 2), RM274,1436.62 (pesakit kelas 3), RM365,474.04 (susu enteral). Pada tahun 2022 terdapat peningkatan kos bagi penyediaan makanan sebanyak 17% (pesakit kelas 1), 5% (pesakit kelas 3) dan 13% (susu enteral) berbanding tahun 2021. Manakala kos bagi makanan kelas 2 berkurangan sebanyak 13% berbanding tahun sebelumnya.




	2017	2018	2019	2020	2021	2022
K1	200,223	257939.13	281566.41	222287.75	168476.99	197156.57
K2	143838	136791.29	154615.48	117275.48	157530.66	139140.42
K3	1974622.4	2209133.3	2341908.09	2283029.05	2588736.31	2741436.62
Formula Enteral	475629.32	325785.25	322358.9	226814.87	324747.86	365476.04

Rajah 4.3: Kos makanan mengikut kategori bagi tahun 2017-2022

iv. Penyediaan Makanan Kepada Pesakit dan Petugas Covid-19

Bekalan makanan kepada pesakit dan petugas Covid-19 adalah bermula pada bulan Mac 2020. Bekalan makanan dibekalkan kepada petugas juga kerana situasi ketika itu menyukarkan untuk mendapat bekalan makanan. Jumlah penyediaan makanan pesakit Covid-19 menurun ke angka 67742 berbanding tahun 2021 iaitu sebanyak 116014 dan penurunan juga berlaku kepada jumlah penyedian makanan petugas Covid-19 dari 26423 ke 5721. Hal ini terjadi disebabkan oleh penurunan kadar pesakit Covid-19 diruju k ke hospital dan juga penurunan secara umum jumlah pesakit di seluruh Negara.




	2020	2021	2022
Pesakit Covid	20249	116,014	67642
Pesakit Bukan Covid	15882	357942	365802
Staf Bertugas Waktu Covid	331158	26423	5721

Rajah 4.4: Penyediaan Makanan Kepada Pesakit dan Petugas Covid-19 bagi tahun 2017-2022

v. Jumlah Perbelanjaan Catuan Makan Malam Dan Pegawai Perubatan Atas Panggilan/Dewan Bedah/Paramedik

Jumlah Perbelanjaan Catuan Makan Malam Dan Pegawai Perubatan Atas Panggilan/ Dewan Bedah/Paramedik meningkat sebanyak 46% bagi tahun 2022 berbanding tahun sebelumnya. Kadar peningkatan ini boleh diselarikan dengan jumlah peningkatan penyediaan makanan kepada doktor on-call, doktor dewan bedah dan paramedik, day care dan hemodialisis (Rajah 4.2).




Rajah 4.5: Perbelanjaan Catuan Makan Malam Dan Pegawai Perubatan Atas Panggilan/Dewan Bedah/Paramedik tahun 2017-2022

4.2 Dietetik Klinikal

i. Perkhidmatan Pesakit Dalam Dan Luar


Jumlah pesakit yang dirujuk untuk perkhidmatan dietetik klinikal bagi pesakit dalam pada tahun 2022 ialah 8002 orang manakala bagi pesakit luar ialah 1385. Bilangan pesakit dalam yang dirujuk telah meningkat sebanyak 1%. Manakala bilangan pesakit luar pula menurun sebanyak 12%. Penurun bilangan pesakit luar mungkin disebabkan oleh Negara masih berdepan pandemik Covid-19.



Rajah 4.6: Perkhidmatan Dietetik Klinikal Pesakit Yang Dirujuk 2017-2022

ii. Pesakit Dalam - Kes Kritikal (Sokongan Enteral & Oral Nutrition Supplement) vs Kes Tidak Kritikal (Konsultasi)


Penurunan beban kerja sebanyak 23% dalam perkhidmatan dietetik klinikal bagi kes tidak kritikal (konsultasi). Manakala, peningkatan berlaku sebanyak 20% bagi kes kritikal (sokongan enteral dan ONS). Kes kritikal adalah kes pesakit yang memerlukan pemakanan enteral melalui tiub manakala kes tidak kritikal melibatkan pengurusan pemakanan pesakit melalui khidmat rundingcara atau nasihat pemakanan. Peningkatan kes kritikal boleh di kaitkan dengan peningkatan bilangan pesakit dalam (Rajah 4.6)



Rajah 4.7: Perkhidmatan Dietetik Klinikal Jenis Kes Yang Dirujuk 2017-2022

iii. Perkhidmatan Dietetik Klinikal Pesakit Luar – Kes Baru vs Kes Susulan


Perkhidmatan dietetik bagi pesakit luar juga menurun sebanyak 26% bagi kes baru dan meningkat 26% bagi kes susulan. Corak peningkatan kes susulan meningkatan dari tahun 2020 ke 2022 disebabkan oleh faktor pesakit yang masih memerlukan rawatan susulan oleh Dietitian.



Rajah 4.8: Perkhidmatan Dietetik Klinikal Pesakit Luar 2017-2022

iv. Rumusan Perkhidmatan Dietetik Klinikal

Berikut adalah rumusan perkhidmatan dietetik klinikal yang diberikan oleh Pegawai Dietetik Hospital Melaka. Perkhidmatan lawatan ke rumah pesakit (home visit) baru dimulakan pada tahun 2019 bagi memastikan Pegawai Dietetik dapat melengkapkan credentialing namun telah dihentikan pada tahun 2021. Berlaku peningkatan sebanyak julat 6-72% (grand total, total seen,outpatient, group).



	2019	2020	2021	2022
GRAND TOTAL	6487	8881	8844	9387
TOTAL SEEN	6017	5631	5409	6229
FOLOW UP	1870	2139	2183	1773
OUTPATIENT	1049	846	1015	1237
GROUP	537	260	86	148
HOMEVISIT	14	5	0	0
WARD ROUND	130	179	151	25

Rajah 4.9: Rumusan Perkhidmatan Dietetik Klinikal 2019-2022

5.0 AKTIVITI

5.1 Program atau Kursus yang dianjurkan oleh Jabatan

5.1.1 Program Sambutan Hari Garam, Dietitian, Renal dan Jantung Sedunia 2022 : 28 September 2022

5.1.2 Sambutan Hari Bulan Pemakanan & Hari Kesihatan Sedunia : 1 April 2022

5.1.3 Lawatan sambal belajar ke Klinik Fodmaps UMMC : 28 April 2022

Penilaian pesakit menggunakan mesin BCA untuk PNO : April 2022

5.1.4 Penilaian pesakit menggunakan mesin BCA untuk PNO : April 2022

5.1.5 Majlis Jalinan Kasih JDS : 23 OGOS 2022

5.1.6 Sukan antara Jabatan : Bola Tampar Wanita – Naib Johan

5.1.7 Penganjur Perhimpunan Bulan Oktober 2022

5.1.8 CDE / CCE (Continuous Dietetics/Catering Education)

Sesi CDE/CCE diadakan setiap bulan di Klinik Diet atau diruang trayline untuk meningkatkan pengetahuan.

i. CDE untuk semua Pegawai Dietetik Negeri Melaka

ii. CCE untuk semua Penolong Pegawai Penyediaan Makanan dan Pembantu Penyediaan Makanan

5.1.9 Kursus-kursus yang dianjurkan oleh Jabatan:

i. Kursus Klinikal Audit Pegawai Dietetik Peringkat Negeri Melaka : 18 Februari 2022

ii. Kursus Halal peringkat hospital JDS Negeri Melaka : 17 Ogos 2022

iii. Kursus Diet Modifikasi dalam Perawatan Pesakit dirasmikan oleh Pengarah Hospital Melaka –Jururawat dan Pembantu Perawatan Kesihatan : 4 Ogos 2022

iv. Kursus Kesedaran GMP & HACCP : 13 Julai 2022

5.2 Aktiviti Kualiti Hospital

Jabatan mengambil bahagian dalam DQRC, KIK, KPI, QAP

i. Key Performance Index Dietetik : Percentage of patients received at least 75% of total energy recommendation withins 5 days of liquid initiations. Standard yang ditetapkan adalah 90%

ii. Key Performance Index Sajian : Peratusan ketepatan hidangan makanan yang dihidang kepada pesakit berdasarkan pesanan yang diterima daripada wad. Standard yang ditetapkan ialah 85%

iii. Non Performance Indicator (NIA) Dietetik : Percentage Of Inpatient Seen By Dietitian ≤ 24 Hours [One (1) Working Day] For Medical Nutrition Therapy (MNT)

iv. Non Performance Indicator (NIA) Sajian: Bilangan kes kontaminasi fizikal dalam makanan yang dihidangkan kepada pesakit: Standard yang ditetapkan adalah 0 kes

v. KIK – Eco-Soup

vi. QAP – Projek yang dijalankan adalah untuk mengukur pembaziran makanan di wad perubatan dan pembedahan

6.0 PENCAPAIAN

6.1 Key Performance Index (KPI) :

i. Dietetik : Pencapaian 97.8 %

ii. Sajian : Pencapaian 92.9%

6.2 Non Performance Indicator (NIA) :

i. Dietetik : Pencapaian 96.6%

ii. Sajian : Pencapaian 100%

6.3 Pensijilan semula GMP / HACCP / MeSTI - Menunggu maklumbalas berkaitan dapatan Persijilan

6.4 Pensijilan HALAL - Ditangguhkan sehingga tender bahan mentah basah dan kering dimuktamadkan

6.5 Kajian Kes - Pembentangan Poster di 3rd Dietitians' Quality and Research Convensyen 2022 di Putrajaya

JABATAN REKOD PERUBATAN

1.0 PENGENALAN

Jabatan Rekod Perubatan (JRP) bertanggungjawab menguruskan rekod perubatan pesakit (RPP) dalam keadaan selamat dan rahsia maklumat pesakit terkawal mengikut prosedur yang ditetapkan. JRP juga bertanggungjawab menyediakan Statistik Kesihatan peringkat Hospital Melaka. JRP diletakkan bawah tanggungjawab Timbalan Pengarah 1 (Perubatan).

2.0 SKOP PERKHIDMATAN

Menguruskan hal-hal berkaitan pengurusan rekod perubatan, pengurusan laporan perubatan, pengurusan Lembaga Perubatan, pengurusan statistik, pengurusan kes perundangan perubatan (medico-legal) dan juga membuat carian pengesahan kelahiran bagi pendaftaran lewat.

3.0 PERJAWATAN/SUMBER MANUSIA

Kedudukan perjawatan di JRP dalam tahun 2022 adalah seperti dalam jadual di bawah:

BIL	JAWATAN	GRED	BIL JAWATAN	ISI	KOSONG	PERATUS PENGISIAN
1	Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)	N44/41	1	1	0	100%
2	Pen Peg (Rekod Perubatan)	N36 (KUP)	1	1	0	100%
3.	Pen Peg (Rekod Perubatan	N32	1	1	0	100%
3	Pen Peg (Rekod Perubatan)	N27	7	7	0	100%%
4	Pembantu Tadbir Kanan	N22	2	2	0	100%
5	Pembantu Tadbir	N19/ N22 (KUP)	19	19	0	100%
6	Pembantu Perawatan Kesihatan*	U11	6	5	1	83.33%

BIL	JAWATAN	GRED	BIL JAWATAN	ISI	KOSONG	PERATUS PENGISIAN
7	Pembantu Operasi	N11/N14	6	4	2	66.66%
8	Pembantu Awam	H11	1	0	1	0%
	JUMLAH		**44**	**40**	**4**	**90.90%**

* Akan datang jawatan PPK akan digantikan dengan jawatan N11

4.0 BEBAN KERJA

4.1 Pengurusan rekod perubatan

Pengurusan RPP meliputi rekod pesakit dalam dan kad klinik pakar. Beban kerja utama JRP adalah bagaimana menguruskan RPP secara manual dengan ruang simpan yang terhad. Faktor lain yang dititikberatkan dalam pengurusan RPP adalah menjaga keselamatan, mengawal pergerakan , menyediakan ruang simpanan dan kerahsiaan maklumat rekod pesakit.. Sistem IT banyak membantu dalam menyelia pergerakan rekod iaitu Sistem Pengurusan Rekod Perubatan (SPRP). Jumlah rekod perubatan yang diselia seperti mana ditunjukkan oleh jadual di bawah:

PERKARA	2018	2019	2020	2021	2022
Jumlah rekod perubatan pesakit yang diselenggara.	149,109	135,376	115,819	123,426	115,744
Jumlah pinjaman rekod perubatan	92,193	104,875	102,698	99,565	70,892
Jumlah pinjaman untuk laporan Perubatan	11,891	12,058	5,068	7,630	10,128
Jumlah rekod perubatan pesakit dilupuskan	-	-	158,237	122,070	170,969

4.2 Pengurusan Statistik Kesihatan

Beban kerja dalam pengurusan statistik pula adalah menentukan kod jenis penyakit dan prosedur perawatan berdasarkan ICD10 dan ICD9cm serta kemasukan data klinikal PD301 ke dalam Sistem Maklumat Rawatan Pelanggan (SMRP) dan juga Sistem Casemix. Data Bancian Harian Wad (PD 103) juga turut dimasukkan ke dalam SMRP. Kedua – dua sistem ini akan menjana statistik kesihatan dalam bentuk pelaporan bulanan dan tahunan.

Jadual di bawah menunjukkan beban tugas JRP dalam pengkodan dan kemasukan data dalam SMRP dan Sistem Casemix:

PERKARA	2018	2019	2020	2021	2022
Jumlah discaj pesakit dalam	76,722	77,122	66,490	62,035	66,373
Jumlah kod diagnosis ICD 10 yang diberikan (SMRP)	141,519	228,986	218,027	204,145	222,022
Jumlah kod prosidur ICD 9CM yang diberikan (Purata 5 kod/ pesakit)	383,610	385,610	332,450	310,175	331,865
Jumlah kemasukan data klinikal SMRP & CaseMix	525,129	614,596	550,477	514,320	553,887

Bagi membantu kemasukan data pihak pengurusan telah melantik MyStep seramai 7 orang selama setahun. Dalam waktu yang sama terdapat juga ”taskforce” terdiri daripada paramedik membantu kemasukkan data ke dalam SMRP & CaseMix..

4.3 Pengurusan Permohonan Laporan Perubatan dan Bedah Siasat.

Seterusnya adalah beban tugas JRP iaitu mengurus permohonan mendapatkan laporan perubatan dan bedah siasat. Sistem Pengurusan Laporan Perubatan (SPLP) membantu untuk memantau pergerakkan permohonan dan progress pegawai perubatan menyediakan laporan berkenaan. Jadual di bawah menunjukkan beban tugas Unit Laporan Perubatan :

PERKARA	2018	2019	2020	2021	2022
Jumlah permohonan laporan perubatan diproses	11,891	12,058	5,068	7,630	9,775
Jumlah permohonan laporan bedah siasat diproses	418	536	429	396	353

4.4 Pengurusan Pemeriksaan Jemaah Lembaga Perubatan

JRP menjadi urusetia bagi mengendalikan Jemaah Lembaga Perubatan, PERKESO dan KWSP. Jumlah kes yang dikendalikan adalah seperti jadual di bawah:

PERKARA	2018	2019	2020	2021	2022
Jumlah permohonan lembaga perubatan	41	48	59	75	89

4.5 Pengurusan Kes Medico-Legal

JRP dipertanggungjawab sebagai urusetia bagi mengendalikan kes-kes medico-legal. Aktiviti medico-legal adalah seperti jadual di bawah:

PERKARA	2018	2019	2020	2021	2022
Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Bebas	4	6	5	7	4
Mesyuarat Ex Gratia	1	3	4	4	4
Pemeriksaan/Lawatan Ex Gratia	2	1	0	0	0
Mesyuarat bersama Jabatan Peguam Negara	3	1	0	0	3
Mesyuarat Audit Klinikal	1	0	0	18	4

5.0 AKTIVITI PENINGKATAN KUALITI

Aktiviti-aktiviti bagi meningkatkan kualiti kerja telah dapat dijalankan di Jabatan ini adalah seperti berikut:

5.1 Kajian Kepuasan Pelanggan

Dalam tahun 2022, kajian kepuasan pelanggan dibuat terhadap pelanggan luaran dan pelanggan dalaman.

5.1.1 Kajian Kepuasan Pelanggan Luaran

Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui tahap kualiti perkhidmatan kaunter yang telah diberi kepada pelanggan luaran yang datang berurusan di Kaunter Unit Laporan Perubatan. Kajian bermula pada 5 Mei 2022 sehingga 31 Mei 2022 melibatkan 100 responden. Responden terdiri 50 lelaki dan 50 perempuan mewakili kaum Melayu (79%), Cina (14%), India (6%) dan lain – lain (1%). Hasil daripada kajian adalah seperti jadual di bawah:

PERKARA	TIDAK MEMUASKAN	KURANG MEMUASKAN	MEMUASKAN	BAIK	SANGAT BAIK
Mesra Pelanggan	0%	0%	2%	33%	65%
Komunikasi	0%	0%	2%	33%	65%
Maklumat Jelas	0%	0%	1%	31%	68%
Sedia Membantu*	0%	0%	2%	29%	68%
Menghormati Pelanggan	0%	0%	1%	28%	71%
Mudah dihubungi melalui telefon*	0%	1%	4%	40%	52%
Keseluruhan	0%	0%	2%	32%	65%

* 0.6% tidak beri respon perkara ini.

5.1.2 Kajian Kepuasan Pelanggan Dalaman

Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui tahap perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan dalaman di kaunter penerimaan RPP.Kajian bermula pada 5 Mei 2022 sehingga 31 Mei 2022 melibatkan 50 responden dikalangan staf hospital Melaka. Hasil daripada kajian adalah seperti jadual di bawah:

PERKARA	TIDAK MEMUASKAN	KURANG MEMUASKAN	MEMUASKAN	BAIK	SANGAT BAIK
Mesra Pelanggan	0%	0%	0%	40%	60%
Komunikasi	0%	0%	2%	44%	54%
Maklumat Jelas	0%	0%	6%	36%	58%
Sedia Membantu	0%	0%	2%	38%	58%
Menghormati Pelanggan	0%	0%	0%	44%	54%
Mudah dihubungi melalui telefon	0%	0%	4%	42%	52%
Keseluruhan	0%	0%	3%	41%	56%

6.0 PENCAPAIAN

6.1 Pencapaian NIA/KPI

Pencapaian NIA/KPI 2022 adalah seperti jadual di bawah:

NIA/KPI	STANDARD	2018	2019	2020	2021	2022
Percentage of Medical reports prepared within the stipulated Period (HPIA)	**>90%**	**92.96%**	**91.42%**	**94.75%**	**93.39%**	**91.02%**
Percentage of medical records that were dispatched within 72 working hours of discharge	**>95%**	**94.39%**	**92.98%**	**93.16%**	**90.71%**	**91.67%**

NIA/KPI	STANDARD	2018	2019	2020	2021	2022
Percentage of completed requests for medical reports that were sent to the doctors within the stipulated period - state & Specialist Hospital < 10 days, Other Hospitals < 5 days	**>80%**	**97.71%**	**97.71%**	**96.89%**	**97.38%**	**98.01%**
Percentage of medical records for specialist clinic appointment that were traced within 3 working days.	**>95%**	**98.89%**	**98.53%**	**98.02%**	**98.49%**	**97.96%**

6.2 Audit Ketepatan dan Kesempurnaan Dokumentasi Klinikal dan Ketepatan Penetapan Kod ICD10.

Audit Ketepatan dan Kesempurnaan Dokumentasi Klinikal dan Ketepatan Kod ICD10 dalam tahun 2022 telah dilaksanakan dari tarikh 19/7/2022 – 03/8/2022 melibatkan Audit Umum dan Audit Khusus. Hasil dapatan kajian audit adalah seperti di jadual di bawah:

Audit Umum

Bil	Disiplin	Jumlah Discaj	Jumlah sampel	Dokumentasi Klinikal				Kod ICD-10			
				Ketepatan Diagnosis Utama		Kesempurnaan Diagnosis-diagnosis lain		Ketepatan Diagnosis Utama		Ketepatan Diagnosis-diagnosis lain	
				Bil (n_1)	%	Bil (n_2)	%	Bil (n_3)	%	Bil (n_4)	%
1	General Medicine	4930	127	103	81.10	69	57.98	112	88.19	98	85.22
2	General Paediatrics	1096	36	34	94.44	18	81.82	36	100.00	20	100.00
3	Obstetrics	2622	50	47	94.00	45	97.83	46	92.00	34	70.83
4	Gynaecology	1836	50	50	100.00	32	94.12	48	96.00	21	61.76
5	General Surgery	1407	49	47	95.92	21	65.63	47	95.92	27	96.43
6	General Orthopaedics	953	30	27	90.00	6	20.69	26	86.67	18	90.00
7	General Ophthalmology	84	34	31	91.18	15	50.00	33	97.06	28	93.33
8	General Otorhinolaryngology	228	32	27	84.38	11	52.38	31	96.88	11	91.67
9	Nephrology	339	27	21	77.78	20	74.07	25	92.59	26	100.00
10	Neonatalogy	1987	63	55	87.30	30	73.17	57	90.48	33	89.19
11	General Psychiatry	109	30	28	93.33	17	68.00	26	86.67	21	84.00
12	Plastic & Reconstructive Surgery	86	32	24	75.00	2	9.09	25	78.13	5	62.50
Jumlah Keseluruhan		15677	560	494	88.21	286	63.84	512	91.43	342	84.86

Kategori	Hospital	Jumlah discaj	Jumlah sampel	Dokumentasi Klinikal		Kod Klasifikasi	
				Ketepatan Diagnosis Utama	Kesempurnaan Diagnosis-	Ketepatan Diagnosis Utama	Ketepatan Diagnosis-diagnosis
				%	%	%	%
n_1	Kes Mortaliti dengan *Severity of Illness* (SOI)						
	General Medicine	130	127	58.27	23.08	77.17	72.55
	General Paediatrics	1	1	0.00	0.00	100.00	0.00
	Gynaecology	3	3	33.33	50.00	100.00	100.00
	General Surgery	44	43	93.02	63.89	100.00	90.63
	General Orthopaedics	1	1	0.00	100.00	100.00	100.00
	General Otorhinolaryngology	1	1	100.00	100.00	100.00	100.00
	Neonatalogy	15	15	93.33	54.55	100.00	70.00
	Jumlah	**195**	**191**	**68.06**	**34.91**	**84.82**	**76.51**

Kategori	Hospital	Jumlah discaj	Jumlah sampel	Dokumentasi Klinikal		Kod Klasifikasi	
				Ketepatan Diagnosis Utama	Kesempurnaan Diagnosis-	Ketepatan Diagnosis Utama	Ketepatan Diagnosis-diagnosis
				%	%	%	%
n_2	Pesakit Discaj Pulang Ke Rumah dengan *Severity of Illness* (SOI) 1 dan Jangka Masa Tinggal > 30 hari						
	General Medicine	24	22	45.45	22.73	40.91	45.00
	General Paediatrics	2	2	100.00	0.00	100.00	100.00
	Obstetrics	32	28	96.43	100.00	96.43	60.71
	Nephrology	2	2	0.00	0.00	100.00	0.00
	General Ophthalmology	1	1	100.00	0.00	100.00	
	General Otorhinolaryngology	1	1	0.00	100.00	100.00	100.00
	Neonatalogy	32	32	93.75	18.75	81.25	83.33
	General Orthopaedics	9	9	55.56	11.11	100.00	100.00
	General Surgery	8	8	75.00	25.00	100.00	75.00
	General Psychiatry	7	7	100.00	83.33	100.00	83.33
	Jumlah	**118**	**112**	**78.57**	**43.24**	**82.14**	**68.54**

Kategori	Hospital	Jumlah discaj	Jumlah sampel	Dokumentasi Klinikal		Kod Klasifikasi	
				Ketepatan Diagnosis Utama	Kesempurnaan Diagnosis-	Ketepatan Diagnosis Utama	Ketepatan Diagnosis-diagnosis
				%	%	%	%
n_3	Pesakit Discaj Pulang Ke Rumah dengan Tarikh Kemasukan dan Discaj Pada Hari Yang Sama						
	General Medicine	226	8	75.00	66.67	0.00	0.00
	Obstetrics	668	83	92.77	81.16	97.59	84.62
	General Otorhinolaryngology	36	1	100.00	100.00	100.00	0.00
	Neonatalogy	104	11	100.00	100.00	63.64	100.00
	General Orthopaedics	63	7	100.00	57.14	85.71	100.00
	General Surgery	227	12	100.00	100.00	100.00	100.00
	Plastic & Reconstructive Surgery	3	1	100.00	0.00	0.00	0.00
	General Psychiatry	5	5	100.00	80.00	100.00	75.00
	Jumlah	**1332**	**128**	**93.75**	**80.00**	**87.50**	**80.65**
Jumlah keseluruhan		**1645**	**431**	**78.42**	**49.21**	**84.92**	**75.53**

7.0 ISU DAN CABARAN

7.1 Rekod Perubatan Pesakit di Hospital Melaka masih dilaksanakan secara manual. Cabaran utama adalah tempat simpanan yang cukup dengan kelengkapan rak. Untuk sementara waktu, pihak Pengurusan Hospital telah memberi kebenaran untuk menjadikan beberapa unit kuarters di Cheng sebagai tempat simpanan rekod yang tidak aktif. Kuarters Cheng akan menempatkan rekod Pediatrik dan juga kes Obstetrik. Lokasi ini juga memerlukan rak untuk simpanan rekod lebih teratur dan mudah dikesan. Walau bagaimanapun untuk tempoh jangka panjang, JRP masih lagi memerlukan tambahan setor simpanan terutama dalam kawasan hospital.

7.2 Perkembangan perkhidmatan perawatan memerlukan pengurusan rekod perubatan pesakit yang lebih efektif. Oleh itu, Rekod Perubatan Pesakit yang masih dilaksanakan secara manual pada masa ini perlu berubah kepada pengurusan rekod secara elektronik. Pengurusan rekod secara elektronik membolehkan data – data pesakit disimpan dalam storage (server). Secara tidak langsung penggunaan kertas dapat dikurangkan.

JABATAN KERJA SOSIAL PERUBATAN

1.0 PENGENALAN

Praktis kerja sosial perubatan merupakan aplikasi kerja sosial melalui pelbagai kaedah untuk menangani ketidakfungsian, ketidakupayaan dan kecacatan psikososial termasuk gangguan emosi dan mental. Praktis kerja sosial perubatan diasaskan kepada pengetahuan tentang teori perkembangan manusia dalam konteks psikososial. Bidang kerja sosial perubatan wujud sebagai satu perkhidmatan untuk membantu pesakit mencapai tahap kesihatan yang lebih baik dengan menguruskan fungsi psikososial individu, keluarga dan komuniti.

Perkhidmatan kerja sosial perubatan mula diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1952, di Hospital Kuala Lumpur, Hospital Pulau Pinang, Hospital Queen Elizebeth, Sabah dan Hospital Umum Sarawak. Di Hospital Melaka, perkhidmatan ini telah bermula sejak tahun 1954 iaitu semasa Era Inggeris dengan dikenali sebagai Lady Almoner. Perkhidmatan yang disediakan ketika itu adalah memberi bantuan dari segi kewangan dan sokongan sosial. Perkhidmatan ini telah berkembang di awal tahun 1990-an dengan penempatan pegawai-pegawai di semua hospital negeri seluruh Malaysia.

2.0 SKOP PERKHIDMATAN

Secara amnya, perkhidmatan kerja sosial perubatan menangani pelbagai isu biopsikososial dan sosioekonomi yang melibatkan pendekatan multi-disiplin dalam mencapai objektif ‘total patient care’. Perkhidmatan yang disediakan di hospital-hospital adalah untuk memberi perkhidmatan psikososial kepada pesakit semasa proses rawatan dan pemulihan. Ia turut membantu memulihkan kefungsian sosial agar pesakit menjadi lebih produktif, berdikari dan kembali kepada komuniti selaras dengan batas keupayaan mereka.

Sejajar dengan peningkatan gejala sosial di seluruh negara, perkhidmatan kerja sosial perubatan telah diperluaskan ke peringkat kesihatan primer iaitu di klinik-klinik kesihatan pada tahun 2010. Perkhidmatan ini meliputi aspek pencegahan, rawatan, pemulihan dan juga promosi.

Profesional yang bertugas di dalam perkhidmatan ini dikenali sebagai Pegawai Kerja Sosial Perubatan (PKSP) dalam kategori Allied Health Professional (AHP) Kementerian Kesihatan

Malaysia. PKSP membantu menyelesaikan masalah biopsikososial pesakit yang dirujuk oleh pakar dan pegawai-pegawai perubatan dari semua jabatan klinikal yang ada di hospital.

Perkhidmatan utama yang diberikan oleh PKSP ialah bantuan terapi sokongan dan bantuan praktik. Bantuan terapi sokongan adalah melibatkan kes-kes yang memerlukan kaunseling, intervensi krisis dan khidmat rundingan. Antara kes-kes yang memerlukan sokongan terapi adalah pesakit yang menghidap penyakit kronik, kes ibu tanpa nikah, rogol, penderaan kanak-kanak/dewasa dan sebagainya.

Bantuan praktikal pula melibatkan intervensi terhadap kes-kes yang memerlukan penilaian biopsikososial, bantuan untuk membiayai kos pembelian peralatan perubatan, ubat-ubatan dan rawatan, penempatan institusi, perancangan discaj dan sebagainya dengan membuat jaringan kerjasama di antara organisasi kerajaan dan bukan kerajaan.

3.0 SUMBER MANUSIA

JAWATAN/GRED	BIL	ISI	KOSONG	PERATUSAN PENGISIAN (%)
Pegawai Kerja Sosial Perubatan S52	1	1	0	100%
Pegawai Kerja Sosial Perubatan S48	1	1	0	100%
Pegawai Kerja Sosial Perubatan S44	2	2	0	100%
Pegawai Kerja Sosial Perubatan S41	1	1	0	100%
Pen. Pegawai Hal Ehwal Agama Islam Gred S32	1	1	0	100%
Pembantu Tadbir Gred N19	1	1	0	100%
Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U12	1	1	0	100%
JUMLAH	**8**	**8**	**0**	**100%**

Jadual 3.1: Maklumat Perjawatan Jabatan Kerja Sosial Perubatan 2022

4.0 BEBAN KERJA

4.1 Pengurusan Operasi Jabatan Kerja Sosial Perubatan

4.1.1 Statistik Jumlah Jenis Kes Jabatan Kerja Sosial Perubatan Hospital Melaka


JENIS KES	BULAN												JUMLAH
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	
Penyakit Kronik	91	85	103	91	97	94	87	112	121	92	88	91	1152
Penderaan Kanak-Kanak	3	8	3	7	6	8	8	2	10	10	5	9	79
Keganasan Rumahtangga	5	1	1	5	2	4	1	1	4	4	3	3	34
Ibu Tanpa Nikah	37	24	32	29	33	20	31	46	42	29	31	35	389
Keganasan Seksual	4	4	5	6	7	10	6	8	10	6	2	8	76
Masalah Tingkahlaku	2	0	2	0	1	0	1	1	0	0	0	0	7
Bantuan Peralatan Perubatan	98	88	119	89	83	124	116	104	177	108	115	130	1351
Bantuan Rawatan Perubatan	30	26	46	26	20	53	36	46	40	26	40	40	429
Bantuan Ubatan	5	3	5	3	4	5	3	2	6	5	0	3	44
Bantuan Kewangan	22	21	25	18	17	27	13	35	17	22	11	18	246
Ketagihan Dadah	0	1	0	0	1	0	2	2	2	0	0	0	8
Cubaan Bunuh Diri	1	0	1	0	0	0	0	0	1	0	0	0	3
OKU	2	0	1	2	2	1	0	0	2	0	0	1	11
Penempatan/ Terdampar	0	1	1	1	2	1	3	1	3	0	2	3	18
Perancangan Discaj/Kesan Waris	10	11	5	8	6	0	7	10	10	5	7	11	90
Lain-Lain	7	2	2	6	2	4	4	3	11	5	3	3	52
JUMLAH	317	275	351	291	283	351	318	373	456	312	307	355	3989

Jadual 4.1: Jumlah Jenis Kes Yang Dirujuk ke Jabatan Kerja Sosial Perubatan Hospital Melaka Tahun 2022

4.1.2 Statistik Intervensi Jabatan Kerja Sosial Perubatan Hospital Melaka

BIL	INTERVENSI	2022	2021	2020	JUMLAH
1	Temubual	7,978	7042	6,276	19,781
2	Perbincangan	4,675	4,225	4,184	13,167
3	Surat & Rujukan	3,600	3,028	2,720	8,513
4	Laporan Sosial	3,989	3,521	3,138	10,030
5	Kaunseling	1,748	1,480	1,470	4,814
	JUMLAH	21,990	19,296	17,788	56,305

Jadual 4.2: Perbandingan Jumlah Intervensi Yang Diberikan Jabatan Kerja Sosial Perubatan Dari Tahun 2020 hingga 2022



Rajah 4.1: Perbandingan Jumlah Intervensi Yang Diberikan Jabatan Kerja Sosial Perubatan Dari Tahun 2020 hingga 2022

4.1.3 Statistik Pesakit Dalam dan Pesakit Luar Jabatan Kerja Sosial Perubatan Hospital

BIL	KATEGORI	BULAN												JUMLAH
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	
1	PESAKIT DALAM	96	77	86	68	66	96	91	116	122	80	85	88	1071
2	PESAKIT LUAR	106	96	131	118	100	140	126	121	188	132	126	157	1541
	JUMLAH	**202**	**173**	**217**	**186**	**166**	**236**	**217**	**237**	**310**	**212**	**211**	**245**	**2612**

Jadual 4.3: Jumlah Pesakit Dalam dan Luar Yang Dirujuk ke Jabatan Kerja Sosial Perubatan Hospital Melaka Tahun 2022

4.1.4 Statistik Sumber Bantuan Kewangan Kepada Pesakit-pesakit Yang Dirujuk ke Jabatan Kerja Sosial Perubatan Hospital Melaka

BIL	NAMA AGENSI PEMBERI BANTUAN	BIL PESAKIT			NILAI BANTUAN KEWANGAN PEMBELIAN PERALATAN PERUBATAN DAN LAIN-LAIN (RM)		
	TAHUN	2022	2021	2020	2022	2021	2020
1	Tabung Bantuan Perubatan	65	50	68	431,727.00	325,434.49	458,377.82
2	Tabung Kebajikan Perubatan Malaysia (TKPM)	186	227	124	31,912.20	38,677.90	90,402.45
3	Majlis Kanser Nasional (MAKNA)	214	253	213	429,839.10	449,098.90	367,836.50
4	Skim Peduli Kesihatan (PEKA B40)	951	731	601	1,907,458.50	1,669,058.00	1,613,946.00
	JUMLAH	**1,416**	**1,261**	**1,006**	**2,800,936.80**	**2,482,269.29**	**2,530,562.77**

Jadual 4.4: Perbandingan Jumlah Bantuan Yang Telah Dihulurkan Kepada Pesakit Dari Tahun 2020 Hingga Ke 2022.

5.0 AKTIVITI

5.1 Aktiviti Peningkatan Kualiti

5.1.1 Pelaksanaan CME/Taklimat/Kursus pada tahun 2021 adalah seperti berikut:

BIL	KURSUS / TAKLIMAT	TARIKH	BILANGAN
1	Komunikasi Berkesan	11 Februari 2022	9 orang
2	Scammer oleh Bank Rakyat	06 Julai 2022	204 orang

Jadual 5.1: Pelaksanaan CME/Taklimat/Kursus Jabatan Kerja Sosial Perubatan 2022

5.1.2 Key Performance Indicators (KPI) bagi JKSP ialah 80% kes yang dirujuk diambil tindak balas dalam tempoh dua hari bekerja. Pada tahun 2022, JKSP mencapai sasaran iaitu sebanyak 100% kes yang dirujuk diambil tindakbalas dalam tempoh tersebut disepanjang satu tahun tempoh penilaian.



Rajah 5.1: Pencapaian KPI Jabatan Kerja Sosial Perubatan dari 2020 hingga 2022

5.1.3 Pada tahun 2022, JKSP tidak menjalankan kajian kepuasan pelanggan. Kajian ini akan diteruskan pada tahun 2023 kerana Jawatankuasa Kualiti Profession Kerja Sosial Perubatan sedang membuat proses penyeragaman soalan supaya hasil kajian yang dilakukan dapat membantu dalam penambahbaikan kemudahan dan perkhidmatan yang diberikan oleh jabatan ini.

5.2 Aktiviti Jabatan

5.2.1 Setiap hari Khamis JKSP mengadakan majlis bacaan yasin di Jabatan di ketuai oleh Ustaz Adi Fahmy Abu Bakar (Penolong Pegawai Hal Ehwal Agama Islam Gred S32).

5.2.2 Sambutan majlis harijadi kakitangan JKSP diadakan mengikut bulan kelahiran masing-masing. Tujuan sambutan ini diadakan bagi mengeratkan lagi hubungan silatulrahim dikalangan kakitangan JKSP. Jamuan ringkas telah di adakan untuk meraikan kakitangan yang terlibat

5.2.3 JKSP Hospital Melaka mengadakan gotong-royong EKSA di peringkat Jabatan sebulan sekali untuk memastikan persekitaran pejabat sentiasa kemas dan kondusif.

5.2.4 Mesyuarat Jabatan Kerja Sosial Hospital Melaka telah diadakan sebanyak 3 kali dan Mesyuarat Pengurusan PKSP Peringkat Negeri Melaka telah diadakan sebanyak 1 kali untuk membincangkan isu-isu pentadbiran semasa pada tarikh berikut:

i) 11 Februari 2022
ii) 06 Julai 2022
iii) 22 September 2022 (Mesyuarat Pengurusan Negeri)
iv) 29 Disember 2022

5.2.5 Program Back to School 2022 telah diadakan pada 4 Mac 2022 bertempat di Auditorium Sri Baiduri, Hospital Melaka. Seramai 30 orang pesakit kanak -kanak dan anak-anak pesakit yang kurang berkemampuan telah menerima sumbangan kelengkapan sekolah berupa beg, alat tulis dan wang tunai. Majlis ini telah dirasmikan oleh Pengarah Hospital Melaka, Dr Zaharimah binti Abdul Kadir.

5.2.6 Sambutan Social Work Day 2022 dengan tema *'Co-building a New Eco-Social World: Leaving No One Behind'* telah diadakan pada 24 Mac 2022 bertempat di Lembaga Kebajikan Anak-anak Yatim Miskin Paya Rumput Jaya, Sungai Udang Melaka. Dalam majlis ini, pihak Tabung Kebajikan Perubatan Malaysia (TKPM) telah menyumbang RM1,000 bagi kegunaan anak-anak yatim di sana.

5.2.7 Majlis penyerahan bantuan kepada pesakit kurang berkemampuan sempena sambutan Aildifitri telah diadakan pada 28 April 2022 bertempat di Auditorium Sri Baiduri, Hospital Melaka. Majlis ini dirasmikan oleh Pengarah Hospital Melaka, Dr Zaharimah binti Abdul Kadir. Seramai 30 orang pesakit kurang berkemampuan telah menerima sumbangan pada majlis tersebut. Tujuan utama majlis ini diadakan untuk meraikan serta memberi sumbangan kepada mereka yang kurang bernasib baik yang terdiri daripada pesakit-pesakit yang menerima rawatan di Hospital Melaka.

5.2.8 JKSP telah menganjurkan satu taklimat khas kepada sukarelawan pada 1 Jun 2022 bertempat di Auditorium Sri Baiduri, Hospital Melaka. Taklimat ini bertujuan untuk menerangkan garispanduan baru kepada semua individu yang mendaftar sebagai sukarelawan Hospital Melaka.

5.2.9 Pada 2 Julai 2022 telah berlangsung satu program sukan iaitu Pertandingan Bowling JKSP yang diadakan di MIBC, Ayer Keroh. Program ini bertujuan untuk menggalakkan gaya hidup sihat kepada semua kakitangan JKSP.

5.2.10 Satu program kerjasama JKSP dan Majlis Agama Islam Melaka bertajuk Menjunjung Bahagia Mengendong Derita telah diadakan pada 7 Oktober 2022 bersempena dengan sambutan Maulidur Rasul 1444H, bertempat di Dataran Pusat Islam Bukit Palah Melaka. Program ini memfokuskan kepada kesedaran orang awam mengenai penyakit kanser dan peranan JKSP dalam membantu pesakit-pesakit kanser.

5.2.11 Untuk meningkatkan prestasi dan motivasi kerja kakitangan JKSP, satu program Teambuilding JKSP Hospital Melaka telah diadakan pada 13 dan 14 November 2022 bertempat di D'Sawah Bendang Homestay, Sungai Besar, Selangor. Program ini telah dirasmikan oleh Encik Abd Halim bin Hj Jamil selaku Ketua Profession PKSP, KKM.

6.0 PENCAPAIAN

6.1 Hasil Audit EKSA 2022

Audit kendiri telah dijalankan pada 2022 dan JKSP telah memperolehi markah 98.9%. Jabatan Kerja Sosial Perubatan masih mengekalkan prestasi pemarkahan melebihi 80% dan ini merupakan audit pertama selepas ianya terhenti disebabkan PKP.

BAHAGIAN PENYELIAAN HOSPITAL

1.0 PENGENALAN

Bahagian Penyeliaan Hospital Melaka merupakan salah satu komponen di bawah Pengurusan Hospital Melaka. Unit ini terletak di Tingkat 1 Blok Pentadbiran.

Unit ini diterajui oleh seorang Ketua Penyelia Hospital yang berjawatan Penolong Pegawai Perubatan Gred U44 dan dibantu oleh 1 Penolong Pegawai Perubatan Gred U42, 1 Penolong Pegawai Perubatan Gred U36, 1 Ketua Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U16, 1 Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U14, 1 Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U11 dan seorang Pembantu Tadbir.

Fungsi utama Unit ini adalah meliputi aspek pengurusan klinikal, pengurusan sumber, kualiti, pematuhan akta dan profesionalisme Penolong Pegawai Perubatan dan Pembantu Perawatan Kesihatan.

Perkhidmatan *Transfer Team, Step Down Kluster* Melaka dan Pusat Pengambilan Darah Bersapadu serta Jawatan Penolong Pegawai Perubatan, Pembantu Perawatan Kesihatan dan Pekerja Sambilan Harian (*MyStep*) adalah dibawah tanggungjawab Bahagian Penyeliaan Hospital.

2.0 SKOP PERKHIDMATAN

i. Melaksanakan polisi dan dasar perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan yang telah ditetapkan serta diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

ii. Pengawalan Amalan Klinikal dan Penguatkuasaan Akta Pembantu Perubatan (Pendaftaran) 1977. Akta 180.

iii. Melaksanakan Amalan dan Penguatkuasaan Kod Etika Pembantu Perubatan dan Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib 1993)

iv. Melaksanakan pengurusan hal ehwal, kebajikan, sumber tenaga, latihan, Pembelajaran Berterusan (CME), Perkembangan Profesional Berterusan (CPD) serta Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan.

v. Menyediakan dan menyampaikan maklumat serta menjadi agen perubahan dan hala tuju profesion Penolong Pegawai Perubatan, Pembantu Perawatan Kesihatan dan Pekerja Sambilan Harian.

vi. Menyediakan dan membuat pemantauan berkaitan laporan HPIA, KPI, penyeliaan atas panggilan dan laporan berkenaan pembangunan Penolong Pegawai Perubatan.

vii. Membantu menyelia dan mengurus dalam perkhidmatan Hospital Melaka.

viii. Menjadi koordinator Bilik Gerakan Hospital Melaka semasa berlaku bencana atau menyelaras program-program hospital.

ix. Menjadi Pegawai Penyelaras kepada perkhidmatan sokongan hospital yang diswastakan iaitu *Biomedical Engineering and Maintenance Service* (BEMS), *Clinical Waste Management Services* (CWMS) dan Cleansing.

3.0 SUMBER MANUSIA

3.1 Penolong Pegawai Perubatan Lantikan Tetap

BIL	JAWATAN	PERJAWATAN	ISI	KOSONG	%
1	Penolong Pegawai Perubatan Gred U41/42/44	10	10	0	100
2	Penolong Pegawai Perubatan Gred U36	9	8	1	88.9
3	Penolong Pegawai Perubatan Gred U32	30	30	0	100
4	Penolong Pegawai Perubatan Gred U29 (termasuk KUP U32 dan PPW)	191	186	5	97
	JUMLAH JAWATAN	**240**	**234**	**6**	**97.5**

3.2 Penolong Pegawai Perubatan Lantikan Kontrak

BIL	JAWATAN KONTRAK	ISI	PTJ LUAR	JUMLAH
1	Penolong Pegawai Perubatan Gred U29 POST PPW (KUM.22,23,24)	**24**	**0**	**24**
2	Penolong Pegawai Perubatan Gred U29 SEDANG MENJALANI PPW (KUM.25)	**1**	**11**	**12**
3	Penolong Pegawai Perubatan Gred U29 BELUM PPW	**6**	**0**	**6**
	JUMLAH	**31**	**11**	**42**

3.3 Pembantu Perawatan Kesihatan

BIL	JAWATAN	PERJAWATAN	ISI	KOSONG	%
1	Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U16	2	2	0	100
2	Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U14	19	18	1	94.74
3	Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U11/U14	495	456	19	92.12
	JUMLAH	**516**	**476**	**40**	**90.34**

BIL	JAWATAN	KEPERLUAN	PENGISIAN
1	Pekerja Sambilan Harian (MyStep)	30	7

Jumlah perjawatan dan kekosongan Pembantu Perawatan Kesihatan di Hospital Melaka adalah sangat kritikal dan perlukan penambahan dan pengisian segera. Ini ditambah lagi dengan masalah displin, sakit kronik dan tidak hadir bertugas serta pertambahan pembukaan unit-unit baru dan unit lain yang mana terpaksa menggunakan sumber sedia ada bagi memastikan perkhidmatan tidak terganggu.

4.0 BEBAN KERJA

i. Penyelaras (L/O) perkhidmatan Clinical Waste Management Services (CWMS) Hospital Melaka.

ii. Penyelaras (L/O) perkhidmatan Cleansing Hospital Melaka.

iii. Penyelaras (L/O) perkhidmatan Biomedical Engineering and Maintenance Service (BEMS) Hospital Melaka.

iv. Menjaga dan memantau perkhidmatan di Unit Bersepadu Pengambilan Darah.

v. Penyelaras Keselamatan Kebakaran dan Bilik Gerakan semasa bencana peringkat Hospital Melaka.

vi. Penyelaras Perkhidmatan Porter Hospital Melaka.

vii. Penyelaras Perkhidmatan *Transfer Team* dan *Step Down Care* Hospital Melaka.

viii. Pengerusi dan *Fire Safety Officer* serta jawatankuasa lain dalam Jawatankuasa Keselamatan Kebakaran Hospital Melaka.

ix. Pelaksanaan Saksi Timbangan Linen dan Timbangan Sisa Klinikal (CWMS) Hospital Melaka dikendalikan sepenuhnya oleh Bahagian Penyelian Hospital.

x. Terlibat secara langsung dalam semua program peringkat hospital serta menjadi ahli dalam semua Jawatankuasa Induk peringkat hospital.

xi. Memastikan dan membantu membuat saringan kospen untuk semua PPP dan PPK.

xii. Bahagian Penyeliaan juga terlibat dalam pengurusan COVID-19, MERs-Cov dan SA-RI di Hospital Melaka.

4.1 Pekerja Sambilan Harian (*MyStep*)

Kemasukan dan pengambilan Porter ke Hospital Melaka adalah secara kontrak singkat iaitu *MyStep*. Ini adalah menjadi satu kesukaran pihak penyelia untuk membolehkan seseorang porter ditempatkan secara tetap di satu satu lokasi kerana jumlah kemasukan adalah tidak secara tetap dan berterusan serta bergantung kepada kelulusan belanjawan. Keadaan ini boleh mengganggu perjalanan perkhidmatan.

4.2 Beban Tugas Perkhidmatan Porter 2022

Porter menjalankan tugas despatch dokumen, penghantaran dan pengambilan pesakit, alatan steril, specimen dan tugas-tugas khas. Porter terlibat di kaunter saringan Lobi Utama untuk memastikan pelanggan yang datang mematuhi dan mengikuti SOP yang telah ditetapkan oleh pihak KKM dan HM.

Porter juga bertugas dalam pengendalian penghantaran barang-barang pesakit oleh waris dari lobi utama ke wad-wad. Berikutan Pandemik COVID-19 yang sedang melanda dunia. Waris dibenarkan masuk ke dalam premis HM untuk urusan lawatan tetapi perlu mengikut SOP KKM dan HM.

5.0 AKTIVITI

5.1 Aktiviti Peningkatan Kualiti

i. Menambaih baik Pelan Tindakan Keselamatan Kebakaran Hospital.

ii. Mesyuarat Teknikal Peringkat Negeri untuk Penolong Pegawai Perubatan.

iii. Pengaktifan Bilik Gerakan berdasarkan keperluan.

iv. Membuat lawatan penyeliaan kebersihan kawasan, membuat laporan kerosakan kemudahan perkhidmatan, peralatan aset dan ubat-ubatan.

5.2 Aktiviti Jabatan

i. Menganjurkan 11 Siri Kursus Keselamatan Kebakaran dan Kesedaran Kesihatan Pekerjaan peringkat Hospital Melaka sepanjang tahun 2022 dengan penyertaan sebanyak 236 peserta dari seluruh Hospital Melaka.

ii. Menganjurkan 2 sesi Table Top iaitu di Wad D1, Jabatan Ortopedik dan Klinik Pakar Mata, Jabatan Oftalmologi bersama Jawatankuasa Keselamatan Kebakaran.

iii. Mengadakan Kawad Kebakaran di Farmasi Utama, Jabatan Farmasi bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat dari Ayer Keroh dan Melaka Tengah, Melaka.

iv. Mengadakan Kursus dan CME untuk Penolong Pegawai Perubatan dan Pembantu Perawatan Kesihatan.

v. Menjalankan audit Keselamatan Kebakaran dan Keselamatan Pesakit di seluruh hospital.

vi. Menganjurkan Sambutan Hari Pembantu Perubatan peringkat Negeri Melaka di Masjid Al-Azim pada 10 Mac 2022.

vii. Menjadi editor bulletin Geqau Hospital Melaka untuk program yang dijalankan PPP dan PPK.

viii. Mengadakan sesi Majlis Bacaan Yaasin peringkat Bahagian Penyeliaan.

ix. Bekerjasama dengan Unit Kesihatan Awam dalam program Bebas Denggi.

x. Menganjurkan mesyuarat Bahagian Penyeliaan Hospital serta mesyuarat bersama Penolong Pegawai Perubatan dan Pembantu Perawatan Kesihatan.

xi. Penglibatan dalam pengurusan COVID-19 di Bilik Gerakan Hospital Melaka.

xii. Penglibatan dalam semua program hospital.

6.0 PENCAPAIAN

6.1 Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)

- Seramai 21 orang Penolong Pegawai Perubatan dan 37 orang Pembantu Perawatan Kesihatan telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2022.

6.2 Kenaikan Pangkat

- 1 Penolong Pegawai Perubatan telah dilantik ke Gred U42.
- 1 Penolong Pegawai Perubatan U29 telah dinaik pangkat ke Gred U32.

6.3 Modal Insan

- Penolong Pegawai Perubatan yang telah mencapai *Credit Point (CPD)* melebihi 40 mata kredit *adalah* 100%.
- 100% PPP telah memperoleh APC tahunan yang dimohon menerusi aplikasi BLESS.
- Data Kursus Penolong Pegawai Perubatan

0 HARI	1 HINGGA 3 HARI	4 HINGGA 6 HARI	7 HARI DAN LEBIH
0	0	0	265

- Data Posbasik Penolong Pegawai Perubatan Ikut Bidang(KPI >80%)

JUMLAH PPP LAYAK	JUMLAH ADA POSBASIK	JUMLAH POSBASIK BERKAITAN	PENCAPAIAN
225	123	91	54.66 %

- Data kursus Pembantu Perawatan Kesihatan

0 HARI	1 HINGGA 3 HARI	4 HINGGA 6 HARI	7 HARI DAN LEBIH
62	140	179	115

6.4 Hospital Performance Indicators Accountability (HPIA)

BIL	HPIA	KPI	PENCAPAIAN	CATATAN
1	BASIC LIFE SUP-PORT PPP	>70%	73 %	TERCAPAI
2	TABLE TOP FIRE DRILL	2 KALI SE-TAHUN	2 KALI	TERCAPAI
3	FIRE DRILL HOS-PITAL	1 KALI SE-TAHUN	1 KALI	TERCAPAI

7.0 ISU DAN CABARAN

Perjawatan PPP dan PPK sangat kritikal berikutan banyak pos-pos dan unit baru yang ujud. BPH sangat terkesan dengan pengisian dan kekosongan perjawatan yang terkini.


Selain itu Bahagian Penyeliaan Hospital berperanan untuk memberi teguran, tunjuk ajar, pemantauan dan penyeliaan berterusan agar dapat melahirkan PPP dan PPK yang berkebolehan, efektif, cekap, dan mahir.

8.0 KESIMPULAN


Tahap profesinalisma PPP dan PPK amat diperlukan dalam memastikan perkhidmatan yang berkualiti dan optima bagi memenuhi ekspektasi pelanggan dan keperluan perkhidmatan.

GRAF BAHAGIAN PENYELIAAN HOSPITAL


- Modal Insan




- Posbasik



- Credentialing



- Previlaging



UNIT KEJURURAWATAN

1.0 PENGENALAN

Unit Kejururawatan Hospital Melaka merupakan tulang belakang pengurusan dan satu komponan di bawah Pengurusan Hospital Melaka. Unit ini diterajui oleh seorang Ketua Penyelia Jururawat U 44, 5 orang Penyelia Jururawat U 42 dan 3 orang Jururawat U41. Unit Kejururawatan mempunyai tenaga kerja staf seramai 1553 dan merupakan jumlah tenaga kerja paling besar dan sekaligus telah menjadikan anggota kejururawatan aset utama sumber manusia Hospital Melaka. Semua Jururawat Hospital Melaka berganding bahu dalam menyalurkan perkhidmatan yang efisen dan perawatan holistik kepada pengurusan klinikal dan perkhidmatan penjagaan pesakit dalaman dan luaran Hospital Melaka.

2.0 SKOP PERKHIDMATAN

- Memberi perkhidmatan penjagaan dan perawatan kejururawatan secara holistic yang bermutu dengan mengamalkan etika kod profession kejururawatan dan amalan kejururawatan di pelbagai bidang seperti Perubatan, Pembedahan, Orthopedik, Peadiatrik, Kebidanan, Nephrology, Oncologi, dan termasuk bidang kepakaran kritikal ICU, CCU, PICU, NICU, Dewan Bedah, Rawatan Harian, klinik pakar dan sebagainya
- Meningkatkan kualiti penjagaan dan perawatan kejururawatan mengikut piawaian menerusi pembangunan kerjaya kejururawatan yang professional, penyayang dan semangat kerja berpasukan.
- Merancang dan melaksanakan latihan sama ada dalam bentuk kursus/ bengkel/ CNE untuk semua kategori Jururawat di Hospital Melaka bagi memantapkan pengetahuan, kemahiran, perawatan yang berkualiti serta meningkatkan kompetensi mengikut keperluan dan bidang masing-masing. Latihan yang dijalankan bukan sahaja dalam bidang klinikal tetapi termasuk juga dari aspek kerohanian dan motivasi bagi membentuk Jururawat yang berjiwa murni untuk memberi perkhidmatan yang terbaik, holistic kepada pesakit dan waris pesakit.
- Penglibatan secara langsung dan tidak langsung dalam pengauditan dan pengumpulan data kualiti seperti NNA, NIA, KPI, PFH, BFH.KIK, QA, research dan sebagainya yang melibatkan pencapaian ke arah pensijilan MS ISO dan Akreditasi serta aktiviti patient safety dan kualiti yang selaras dengan saranan Pengarah Kejururawatan KKM dan pengurusan KKM.


- Merancang dan menghantar staf untuk pos basic atau advance diploma subspeciality mengikut keperluan training analisa (TNA) walaupun jumlah staf tidak mencukupi di-wad-wad atau klinik-klnik Hospital Melaka.

3.0 BEBAN KERJA


Purata kemasukkan pesakit bagi 5 tahun dari 2018 hingga 2022 seperti dalam jadual dibawah. Jumlah kemasukkan pesakit pada tahun 2022 seramai 66373 pesakit dan purata peratus BOR adalah 78.21 %. Hospital Melaka merupakan satu-satunya hospital yang mempunyai kepakaran dan sub kepakaran. Selain daripada itu juga perkhidmatan-perkhidmatan baru diperkenalkan di Hospital Melaka dan lawatan pakar dari hospital lain seperti Kardiologi, Hematologi, Urologi, Neurologi dan Onkologi.

TAHUN	JUMLAH KATIL RASMI	JUMLAH KEMASUKAN	% (BOR) AVERAGE
2018	1091	74592	82.27
2019	1091	74784	75.39
2020	1101	66397	69.69
2021	1101	62083	69.22
2022	1101	66373	78.21

Jadual 3.1 Jumlah Katil Dan BOR Jumlah Kemasukan Mengikut Tahun Dari 2018 - 2022



WAD	CF	ADM	T/IN	T/OUT	AOR	ABSC	DISCH	DEATH	TOTAL PT	BOR RASMI	BOR OPERASI	LOS	AVERAGE REMAIN	TURN OVER INTERVAL	VENT	BIPAP
JAN	26144	5990	3511	3741	160	0	5546	168	26030	76.96	76.96	2.71	839.68	0.81	870	184
